ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

RASMI KERAJAAN BRUNEI AKHBAR

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 20 | RABU 18HB MEI, 1983. | رابو 5 شعبان 1403 | PERCUMA


## Untuk bersaing

# BRUNEI PERLUKAN KAJIAN BIDANG INDUSTRI



...hjaya Tinggi India ke ... Awang Shri Prakash ... pada 9hb. Mei lalu telah ...kan lawatan tiga hari ...geri ini.

...ran setelah tiba di negeri ...liau telah mengadap ke ... majlis Kebawah Duli ... Maha Mulia Paduka Seri ...nda Sultan dan Yang ...tuan Negeri Brunei. ...ngkat ke majlis tersebut ... Duli Yang Teramat Mulia ... Seri Begawan Sultan, ... Teramat Mulia Paduka ... Duli Pengiran Perdana ...r Sahibul Himmah Wal-...qar Pengiran Muda Moham...Bolkiah dan Yang Teramat ...a Paduka Seri Duli ...giran Bendahara Seri ...araja Permaisuara ...giran Muda Haji Sufri ...kiah.

...yang hadir ialah Penasihat ... Kebawah Duli Yang ... Mulia Yang Teramat ...ormat Pehin Orang Kaya ... Setia Bakti Diraja Dato ... Utama Awang Haji Isa, ...ngku Menteri Besar Yang ... Berhormat Pehin Orang ... Laila Wijaya Dato Seri ... Awang Haji Abdul Aziz, ...angku Setiausaha Kerajaan ...ang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman dan Peguam Negara YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin.

Kelihatan Awang Shri Prakash Shah sedang menjunjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

**MANISNYA IMAN**

"SESUNGGUHNYA bagi Allah ada orang yang diuntukkan-Nya dengan nikmat untuk faedah manusia". — HADIS Nabi riwayat At-Tabarani dan Abu Na'em daripada Ibnu Umar.

**DI DALAM**


* Tamak - penyakit yang sukar diubati — muka 6
* Amakan sifat 'awar-galat' sesama kita — muka 5
* Sekitar lawatan Perdana Menteri Jepun — muka 10 - 11
* Khutbah Jumaat - tiga prinsip yang mesti dijunjung — muka 7


## PESURUHJAYA MAHKAMAH BESAR ANGKAT SUMPAH

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah memperkenan lantikan Tuan Hakim Michael Edmund Ivor Kempster selaku Pesuruhjaya Mahkamah Besar Brunei bagi tempoh selama tiga tahun.

Beliau telah mengangkat sumpah di hadapan Timbalan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dalam satu istiadat yang telah berlangsung di Istana Darul Hana pada petang hari Isnin lepas. Surat perlantikannya telah dibacakan oleh YAM Grand Chamberlain.

Berangkat ke istiadat tersebut ialah YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pembesar negara yang hadir ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Pemangku Menteri Besar, Pemangku Setiausaha Kerajaan, YAM Peguam Negara dan YAM Pengiran-Pengiran Ceteria.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah memandang perlunya Brunei memperkembangkan projek dan kajian khusus di bidang perindustrian demi mengejar persaingan dengan negara-negara yang telah maju.**

Dalam hal tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan adalah menghargai tawaran-tawaran dari Kerajaan Jepun bagi kerjasama yang antaranya telahpun dibincangkan dengan satu rombongan pegawai-pegawai Jepun yang telah melawat Brunei dalam bulan Mach lalu.

Yang Teramat Mulia telah bersabda selesai sahaja jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh YTM sendiri bagi mengalu-alukan ketibaan TYT Perdana Menteri Jepun Yasuhiro Nakasone



**YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.**

yang berlangsung di Istana Edinburgh di sini baru-baru ini.

Dalam menyampaikan sabda tersebut, Yang Teramat Mulia lebih banyak menyentuh mengenai perhubungan-perhubungan ekonomi yang erat yang telah wujud di antara kedua-dua buah negara Jepun dan Brunei terutama dalam projek LNG Brunei yang mana kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mempunyai perkongsian yang


Lihat muka 20

Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

18HB. MEI, 1983

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENCAPAIAN KEMERDEKAAN:

# Bukan sahaja untuk menikmatinya tetapi juga untuk menghargakannya

Sungguhpun kemerdekaan yang akan kita capai tidak semestinya membawa perubahan yang radikal dalam aspek-aspek penting kenegaraan tetapi adalah salah jika difahamkan yang kemerdekaan itu tidak akan mendatangkan apa-apa kesan ke atas negara dan rakyat.

Pencapaian kemerdekaan itu adalah merupakan babak baharu dalam sejarah perhubungan kita dengan Great Britain; dan dari aspek yang lain serentak dengan pencapaiannya rakyat adalah menaruh jangkaan dan aspirasi terhadapnya iaitu dalam ertikata peningkatan semangat dan kesedaran yang akan membawa peluasan peranan dan tanggungjawab kenegaraan. Maka setentunya kemerdekaan itu akan menjadi faktor-faktor yang kuat lagi berpengaruh untuk sebarang perubahan yang bersesuaian.

Tidak shak lagi faktor tersebut akan mendatangkan kesan ke atas negara dan rakyat. Ia merupakan cabaran yang akan dicapai dengan bijak dan berhati-hati. Yang sudah pasti kita tidak patut mengelakkannya dan sebenarnya tidak akan dapat mengelak daripada menghadapi dan seterusnya mengatasi cabaran berikutan daripada pertambahan tanggungjawab dalam memenuhi kehendak-kehendak yang berbangkit itu. Dalam hubungan inilah kemerdekaan itu adalah bermakna suatu perkembangan yang akan membawa kita ke dalam suasana baharu. Maka tentulah suasana baharu itu mematutkan kita untuk menyesuaikan diri ke dalamnya.

Adalah perlu ditegaskan bahawa cabaran pada memikul tanggungjawab dan memenuhi keperluan-keperluan yang bermenuhi kemerdekaan bukanlah bangkit selepas kemerdekaan bukanlah suatu yang dapat dipermudah-mudahkan. Ia adalah berat sebagaimana yang lazimnya dialami oleh negara-negara lain yang sudah merdeka dan masih terus dalam proses membangun di segenap bidang. Memang benar bahawa kita sudah menyediakan asas-asas yang baik bagi menempoh perkembangan masa hadapan. Tetapi kita hendaknya patut mengambil kira bahawa bukan sahaja asas-asas yang sudah disediakan itu perlu menghadapi perkembangan seterusnya bahkan yang lebih penting lagi adalah pertambahan tanggungjawab akan bermakna peningkatan cara kerja, pengukuhan sikap dan kemahuan yang mana kesemuanya itu boleh dicapai dengan baik menerusi kaedah dan cara atau tegasnya sistem yang bersesuaian dengannya.

Adalah dipercayai bahawa perhatian sedang diberikan kepada kedudukan ini. Seperti juga perhatian kepada lain-lain bidang dalam pertambahan tanggungjawab maka perhatian kepada suasana baharu berikutan daripada kemerdekaan itu tentunya dibuat dengan penuh teliti terutama sekali bagi menyesuaikan dengan perubahan yang diperlukan ... merancangkan perubahan ... dengan berbuat sedemikian ... berkemungkinan akan dapat ... keadaan dan seterusnya ... akan menampak dengan segera ... kesan buruk yang mesti dielakkan.

Berdasarkan kedudukan ... diteliti dari kedudukan ... kemerdekaan itu dalam ... dengan pertambahan tanggungjawab ... tidaklah tepat jika ada orang ... bahawa kemerdekaan tidak ... bawa perubahan, atau ada ... mengandaikan yang kemerdekaan ... sepatutnya membawakan ... perubahan dan kesan ke atas ... rakyat. Tanggapan seperti ... berterusan bukan sahaja ... mengurangkan kemahuan ... memikul tanggungjawab di ... bahkan akan mengurangkan ... terhadap kemerdekaan itu yang ... ada di kalangan semua ... terhadap kemerdekaan itu ... mata dalam makna untuk ... bahkan lebih penting ... menghargakannya. Kita ... sebahagian besar penghargaan ... diharapkan itu berpunca dari ... dan keyakinan yang kemerdekaan ... memberi makna kepada kita ...

## Dalam memberikan perkhidmatan:

# PELIHARA IMEJ KERAJAAN

Saya sangat berbangga dan berasa tulus ikhlas mengalu-alukan usaha jabatan ini dalam mengadakan kursus singkat yang bertajuk "Bimbingan perkhidmatan jabatan pengangkutan darat". Sudah tentu dengan adanya kesedaran yang dipraktikkan untuk memelihara pentadbiran yang sempurna, lurus dan kerana Allah adalah sifat yang baik dan amalan yang selaras dengan cita-cita kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negari Brunei Darussalam, untuk melihat dan merasakan kesan pentadbiran yang cekap dan cergas itu.

**BERIKUT ialah ucapan Yang Berhormat Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri ... Abd. Rahman, Pemangku Setiausaha ... ketika merasmikan Kursus Bimbingan ... matan, Jabatan Pengangkutan Darat ... Bilik Kuliah, Pusat Tingkatan Enam ... 8hb. Mei, 1983. Ucapan Yang Berhormat ... disampaikan oleh Pegawai Pentadbir ... Jabatan Setiausaha Kerajaan, Awang ... bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji ...**

Saya harap perkumpulan yang bijaksana ini akan dapat dijadikan satu mekanik pentadbiran untuk bertukar-tukar fikiran, mengumpulkan pendapat secara terbuka dengan hati yang tulus ikhlas, efisiensi itu adalah tanggungjawab bersama, dan oleh yang demikian kelicinan pentadbiran hanya akan dapat dicapai apabila setiap peringkat kakitangan yang berkhidmat dalam sesebuah pejabat itu, tidak kira apa jawatan yang dipegangnya mahu memikul tanggungjawab dalam usaha-usaha melahirkan pentadbiran yang berkesan lagi efektif. Ketua Pejabat, Timbalan Ketua Pejabat dan pegawai-pegawai kanan yang berkenaan adalah bertanggungjawab memberikan pimpinan yang cekap dan tegas. Dalam pada itu komitmen untuk berkhidmat dengan cekap dan cergas mestilah terlebih dahulu ada dalam anggapan serta pegangan setiap pegawai-pegawai dan kakitangan yang menerima dan memberikan pimpinan.

Ketua pejabat dan pegawai-pegawai yang berkenaan selain daripada bertanggungjawab untuk memberikan pimpinan yang sihat, juga bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan yang cekap. Kawalan yang cekap mestilah wujud dalam setiap organisasi itu. Di samping itu pula kawalan yang paling asas mestilah datang dari semua pegawai dan kakitangan, kerana walau bagaimana sempurnanya sistem atau cara kawalan yang dijalankan, kalau pegawai dan kakitangan yang berkenaan sememangnya ingin lari dari kawalan itu, tentulah kawalan yang sempurna tidak boleh dicapai.

Pejabat Pengangkutan Darat ini adalah sebuah pejabat yang sentiasa berdamping rapat dengan orang ramai kerana perkhidmatan yang diberikan merupakan sebahagian daripada keperluan kehidupan masyarakat di zaman kini. Ke arah itu sebagai sebuah pejabat yang berdamping rapat dengan orang ramai tentulah pejabat ini bertanggungjawab dalam memelihara imej baik kerajaan atau gambaran baik kerajaan di kalangan dalam pemikiran dan mata orang ramai imej baik ini mustahak dijadikan sebagai pegangan atau berupa ideologi yang mana tidak kira kawasan atau tempat seseorang pegawai yang berkenaan berada.

Dalam memelihara imej baik kerajaan ini adalah mustahak bagi setiap pegawai dan kakitangan yang berkenaan mengetahui sepenuh tanggunjawab mereka masing-masing selain daripada mengamalkan ... masyarakat ... mempunyai ... dan "Awas ... sendiri. Akhir ... berharap ... akan dapat ... kesan yang ... mencungkil ... mengeratkan ... pemikiran ... bernas ... susunan ... jabat semasa ... ditumpukan ... harapan ... sama ... khas bagi ... tadbiran yang ... cergas, lurus ... Allah.



**SUASANA dalam gambar memperlihatkan kesibukan yang berlaku di Pejabat Pengangkutan Darat di Jalan Gadong yang sentiasa menerima kunjungan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan.**

## Memeluk agama Islam

TEMBURONG — Seorang pemuda Dusun, Awang Kifli bin Enche berumur 29 tahun berasal dari Kg. Kiudang, Tutong, telah memeluk agama Islam di satu majlis yang berlangsung di rumah Ampuan Haji Tahir bin Ampuan Metassan, Kg. Sungai Tanit Temburong pada 14hb. Mei lepas.

Majlis pengislamannya telah disempurnakan oleh Awang ... Ismail, Pe... Perkembangan ... Daerah ... kini dike... Awang Z... dullah.

Majlis ... diserikan ... marhaban ... dihadiri ... orang ... Kerajaan ... pegawai ... Ehwal U...

# DARI MAJLIS TAKLIMAT

LAPORAN : AISAH PIEE
ZUBAIDAH HS

## Kemerdekaan:
# MENINGKATKAN KESEDARAN BERNEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN. – Kemerdekaan sepatutnya akan menjadi faktor yang kuat dan berpengaruh bagi meningkatkan kesedaran bernegara serta berkerajaan.

Demikian kenyataan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman ketika menjelaskan kekeliruan di setengah-setengah pihak yang menganggap bahawa kemerdekaan tidak akan membawa perubahan atau sesiapa tidak patut cuba-cuba memikir dan mengajukan sebarang perubahaan.

Berucap kepada sekumpulan penuduk-penduduk Mukim Sungai Liang yang menghadiri Majlis Taklimat anjuran Bahagian Penerangan Khamis lalu, Awang Haji Badaruddin menegaskan adalah dikesali jika kekeliruan mengenai kemerdekaan itu akan mengurangkan minat serta perhatian yang sepatutnya diberikan terhadapnya.

Kerana, katanya, adalah sangat penting dari segi apapun mewujudkan suatu suasana dan membangkitkan suatu kesedaran di kalangan orang ramai dan rakyat negeri ini untuk bukan sahaja akan menikmati kemerdekaan, bahkan lebih penting ialah bagi menghargakannya. Dan sebahagian besar penghargakaan itu, tambahnya, tentulah berpunca dari fahaman serta kepercayaan yang kemerdekaan itu memberi makna kepada kita semua.

Pengarah Penerangan terdahulu dari itu berkata, ''Sungguhpun kemerdekaan yang akan dicapai dipercayai tidak semestinya membawa perubahan yang radikal dalam aspek-aspek penting kenegaraan, tetapi kedudukan tersebut tidak pula bermakna yang kemerdekaan itu tidak akan mendatangkan apa-apa kesan ke atas negara dan rakyat.''

Yang sudah nyata, jelas Awang Haji Badaruddin, pencapaian kemerdekaan itu akan menandakan suatu perkembangan yang penting dalam sejarah perhubungan Brunei dengan Great Britain yang mana akan memperluaskan bidang-bidang tanggungjawab kita.

Dan kesan yang berbangkit dari pencapaian kemerdekaan akan merupakan cabaran yang tidak dapat dielakkan, dalam memenuhi kehendak dan keperluan yang berbangkit, yang mematutkan kita menyesuaikan diri ke dalam suasana yang baharu.

"Adalah keliru jika orang memikirkan cabaran-cabaran pada memenuhi kehendak dan keperluan yang berbangkit itu tidak seberat mana dan boleh dihadapi dengan mudah semata-mata meyakini bahawa kita sudah menyediakan asas-asas yang baik bagi perkembangan masa hadapan," jelas Awang Haji Badaruddin.

"Bukan sahaja asas yang sudah sedia itu, akan menghadapi perkembangan bahkan yang lebih penting, ialah pertambahan tanggungjawab akan bermakna peningkatan cara kerja dan sikap serta kemahuan yang gigih menerusi kaedah dan cara atau sistem yang sesuai dengan kehendak yang berbangkit," tegasnya lagi.

Dan menurut Awg. Hj. Badaruddin, dalam menentukan cara yang sesuai itu, kita mestilah bersedia menerima perubahan serta merancang perubahan untuk lebih berkemungkinan akan dapat menguasai keadaan dan lebih berkemungkinan akan menampak dengan segera sebarang kesan buruk yang mesti dielakkan.



Awang Haji Abd. Rahman bin Abd. Razak, Ketua Pegawai Pentadbir di Jabatan Perubatan bersama beberapa orang pegawai Jabatan tersebut ketika menyampaikan ceramahnya dan seterusnya bersoal-jawab dengan peserta-peserta taklimat dari Mukim Sungai Liang.

## Perubatan dan Kesihatan:
# Berbagai kemudahan disediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dalam memberikan perkhidmatan dan perubatan kepada rakyat dan penduduk di negeri ini, kerajaan telah pun menyediakan berbagai-bagai kemudahan seperti rumah-rumah sakit, klinik-klinik dan klinik-klinik bergerak bagi seluruh negeri.

Kerajaan juga menyediakan klinik-klinik tetap dan juga lawatan-lawatan perubatan melalui jalan raya, sungai dan udara bagi kesejahteraan penduduk-penduduk pendalaman.

Ketua Pentadbir Rumah Sakit bagi Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Haji Abd. Rahman bin Abd Razak menegaskan ketika memberikan ceramah kepada lebih 40 orang penduduk Mukim Sungai Liang yang mengikuti siri taklimat anjuran Bahagian Penerangan di sini Khamis lalu.

Katanya pada masa ini sejumlah enam buah rumah sakit telah didirikan lima darinya kepunyaan kerajaan dan sebuah lagi kepunyaan Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Rumah-rumah sakit itu, katanya ialah Rumah Sakit Bandar Seri Begawan yang mempunyai 330 buah katil; Rumah Sakit Suri Seri Begawan mempunyai 180 buah katil; Rumah Sakit Daerah Tutong 20 buah katil; Rumah Sakit Daerah Temburong 20 buah katil dan Rumah Sakit Syarikat Minyak Shell mempunyai 100 buah katil.

Sementara sebuah lagi rumah sakit baru yang diberi nama Rumah Sakit Pengiran Anak Saleha yang dibina di Kiulap telah pun hampir siap, dan dalam bulan Ogos ini nanti 130 buah katil dijangka akan digunakan sepenuhnya.

Menyentuh pegawai-pegawai dan kakitangan di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, beliau menambah, jabatan tersebut kini mempunyai seramai kurang lebih 2,400 orang kakitangan dan peruntukan perbelanjaan bagi menjalankan berbagai-bagai perkhidmatan-perkhidmatannya hampir $72 juta setahun.

Dari jumlah tersebut, jelasnya jabatannya ini mempunyai 24 orang doktor-doktor pakar dalam berbagai bidang dan kemahiran, 55 orang doktor perubatan, sembilan orang doktor pergigian dan kurang lebih 800 orang kakitangan rawatan dalam berbagai-bagai peringkat.

Menyentuh dengan Rumah Sakit Umum di Bandar Seri Begawan Awg. Haji Abd Rahman seterusnya menjelaskan bahawa sungguh pun rumah sakit tersebut sudah nampak lama bangunannya namun demikian ianya telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan serta peralatan yang moden dan sofistikated.

Walau bagaimanapun katanya, pesakit-pesakit yang tidak dapat dirawat dalam negeri ini, kerajaan akan berusaha untuk menghantar pesakit itu keluar negeri untuk mendapatkan perubatan yang lanjut.

Dalam mengatasi kekurangan kakitangan rawatan, jabatan ini juga katanya mempunyai dua buah sekolah latihan iaitu sebuah bagi melatih jururawat-jururawat dan pembantu rumah sakit dan sebuah bagi melatih bidan-bidan.



Peserta-peserta taklimat Mukim Sungai Liang bergambar ramai setelah mengadakan lawatan singkat ke bangunan baru Rumah Sakit Pg. Anak Saleha di Jalan Tutong.

## SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

BUAT kedua kalinya pasukan bolatampar wanita Kelab Ria Shell menjuarai kejohanan bolatampar senegeri dalam bahagian wanita di pertandingan akhir yang berlangsung pada 14hb. Mei lepas.

Pasukan tersebut yang dari peringkat awal lagi telah menunjukkan prestasi cemerlang mereka tidak mendapat tentangan dan rintangan dalam menewaskan lawan nya di pertandingan tersebut, Polis Wanita Brunei.

Kelab Ria Shell hanya mengambil masa hanya lebih kurang 40 minit untuk menghabiskan tiga set perlawanan. Gerakan mereka yang cantik serta persefahaman yang baik mengutip mata demi mata dan dengan mudah memenangi set pertama 15-1.

Di set kedua dan ketiga, pasukan Polis Wanita gagal meningkatkan kecekapan mereka dan ini memberikan peluang untuk Kelab Ria mengutip mata dan seterusnya memenangi set kedua dan ketiga dengan hitungan mata 15-4 dan 15-5.

Perlawanan antara pasukan AMDB dengan Kompleks Sukan JKR lebih mencemaskan. AMDB yang menurunkan empat pemain kebangsaan bolatampar ke Sukan SEA nanti mengharapkan dapat meraih kejuaraan ini buat kali pertama.



KETUA pasukan SRC menerima oskar johan setelah menewaskan Polis Wanita dengan 3-0.

# KELAB RIA SHELL JUARA BOLATAMPAR

Di set pertama saja kedua pasukan terpaksa melanjutkan permainan sehingga mata tambahan setelah Kompleks JKR berjaya menyamakan mata 14-14, dan terus memenangi pusingan ini.

Kelihatan AMDB dapat memenangi pusingan ini bila mereka berjaya mengejar setelah ketinggalan 8-3 dan terus mengutip mata sehingga berjaya meninggalkan JKR dengan 14-11.

AMDB lebih berhati-hati di set kedua dan dengan semangat yang kuat mereka mengambil peluang dari beberapa kecuaian dan kesilapan lawan AMDB menang set ini.

Walaupun begitu mereka gagal menguasai pusingan seterusnya dan mengekal kelakonan cemerlang mereka di pusingan kedua bila JKR berjaya mengembalikan persefahaman mereka dan meraih kemenangan di set ketiga dan keempat.

Sebanyak empat pasukan wanita dan 14 pasukan lelaki dari jabatan kerajaan, persatuan belia, firma, syarikat dan badan sukan seluruh negeri telah mengambil bahagian.

Pada tahun lepas bahagian lelaki kejohanan ini telah disandang oleh Pasukan Seri Aman Istana, kedua Polis Diraja dan ketiga Kota Rangers.

Bahagian Wanita dijuarai oleh Kelab Ria Shell, Maktab Perguruan Gadong dan Polis Wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar bekas Speaker Dewan Majlis Mesyuarat-mesyuarat Negeri selaku tetamu kehormat di malam itu telah berkesudian menyampaikan hadiah-hadiah kemenangan.

Kejohanan bolatampar ini adalah menjadi projek tahunan Persatuan Bolatampar Kebangsaan Negeri Brunei (BAVA) dan ianya bertujuan antara lain untuk meluaskan penyertaan bolatampar kesemua peringkat masyarakat di negeri ini.

Hadiah-hadiah rebutan bagi perlawanan tahun ini ditaja oleh Dynasty Corporation Limited.



Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pg. Hj. Abu Bakar ... kepada barisan pemain Polis Wanita sejurus sebelum ... dimulakan.



SALAH satu aksi dekat jaring kelihatan kedua pasukan berhati-hati bermain. Gambar-gambar: Harun Rashid



PASUKAN Kompleks JKR yang berjaya menjadi juara dalam bahagian lelaki bagi tahun ini.

## Latih... bolatam... kebang...

SERAMAI 1... bolatampar ... sedang giat ... bagi mewak... acara terseb... Singapura yang ... 28hb. ini ... depan.

Persatuan ... Kebangsaan ... menyenaraikan ... bolatampar ... Ampuan Dam... Serfuddin, Mo... Amp. Dami... Pg. Hj. Othman ... Salleh, Alias ...

Chai Yin ... Yussof bin ... bin Shaari ... Selamat bin ... Kiang Hua ... Fue.

BAVA ... tiga pegawai ... rombongan ... ialah Awang ... Sidup, Awang ... Naim dan ... Abas.

## Kejohanan bolasepak BDAFA sempena perayaan

SEKALI lagi Persatuan Bolasepak Daerah Belait (BDAFA) akan mengelolakan kejohanan bolasepak bersempena dengan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan tahun ini.

Kejohanan tersebut adalah sebagai salah satu acara perayaan daerah tersebut dan dianjurkan oleh jawatankuasa tertinggi hari keputeraan.

Sebanyak lima bahagian akan dipertandingkan yang terbuka bagi penduduk di daerah itu saja. Antara jabatan kerajaan, bagi pemain berumur 16 tahun ke bawah, 30 tahun ke atas dan 40 tahun ke atas bagi kawasan-kawasan dan kampung serta terbuka kepada persatuan belia, dan kebajikan.

Bagi jabatan-jabatan boleh mendaftar tiga pasukan tetapi jika pemain tidak mencukupi dibolehkan bergabung tiga jabatan saja dan menghantar hanya satu pasukan.

Bayaran bagi memasuki bahagian ini dikenakan sebanyak $20.00. Sistem perlawanan diadakan secara kalah mati timbal balas.

Dalam bahagian antara persatuan belia dan kebajikan, pasukan hendaklah bergabung dengan BDAFA dan persatuan yang menyertai tidak dibenarkan menyertai kejohanan Liga Chung Pah Hing dikecualikan kepada kakitangan jabatan kerajaan dan bayaran memasukinya adalah $15.00.

Serta sistem perlawanan akan dijalankan secara kalah mati.

Bagi bahagian 16 tahun ke bawah hanya empat pemain dibolehkan pendaftarannya jika pernah mewakili apa jua pertandingan belia peringkat negeri dalam satu pasukan dan bayaran masuk sebanyak $20.00 dan akan dijalankan secara pukul keliling satu pusingan.

Sistem kalah mati akan diadakan bagi 30 tahun ke atas dan pukul keliling satu pusingan bagi 40 tahun ke atas dan bayaran masuk sebanyak $15.00 dan $20.00.

Semua perlawanan akan meliputi peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir dan bagi bahagian 16 tahun ke bawah dan 40 tahun ke atas masa permainan akan dijalankan selama 35 minit saja.

Tarikh tutup bagi menyertai kejohanan ini adalah pada 20hb. Mei depan dan borang penyertaan serta bayaran masuk hendaklah dikembalikan kepada setiausaha perlawanan Awang Ismail bin Apong di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.

Borang-borang juga boleh diperolehi dari Awang Ibrahim bin Metussin di SES/22, Shell Brunei di Seria.

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....

# MANDI AIR SEMBILAN

Siri ke 183 (Sambungan)



3. Daripada sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu Anhu) katanya: Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) telah bersabda yang ertinya:

*"Akan datang pada akhir zaman (zaman kita ini dan kemudian dari zaman kita ini) beberapa banyak Dajjal dan pembohong-pembohong yang mendatangkan kepada kamu umat Islam akan percakapan-percakapan yang tiada pernah didengar oleh kamu atau oleh bapa dan datuk nenek kamu. Oleh itu kamu jauhilah mereka atau kamu jauhkanlah mereka dari diri kamu supaya mereka tiada menyesatkan kamu, tiada mengelirukan kamu dan tiada membawa kamu ke lembah dusta dan bohong dengan kata-kata dan taktik yang mengelirukan dan menarik itu (dengan lain perkataan: Dajjal itu adalah orang yang menghiaskan dengan eluknya akan perkara yang bohong dengan kata-kata dan cara yang menarek yang boleh mengelirukan pendengarnya)." (Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim).*

Sebagimana yang dikatakan sebelum ini, bahawa anak buah Dajjal itu banyak terdiri daripada orang-orang kafir dan orang Islam yang bodoh yang tiada mengerti dan tiada belajar hukum Islam seperti orang-orang Qadiani atau jemaah Islam Ahmadiah atau orang-orang Batini atau orang Bahai, mereka itu semuanya percaya bahawa ada Nabi-nabi yang mereka ikut selain dari Nabi Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam). Menurut Islam bahawa barangsiapa percaya, membenarkan dan mengatakan ada Nabi selepas Nabi kita Muhammad (Sallalahu Alaihi Wasallam) maka orang yang mengatakan sedemikian adalah kafir dan bukan Islam. Maka dengan sendirinya ia tercerai daripada isterinya atau jika ia si isteri tercerai ia dari suaminya, kecuali orang yang mengatakan begitu kembali kepada Islam dengan bertaubat setelah melakukan kufur itu dalam masa iddah isterinya itu. Kalau ia mati ketika itu juga sebelum sempat ia bertaubat maka dikira ia mati kufur dan bukan mati dalam Islam. Bangkainya boleh dibiarkan untuk dimakan oleh binatang termasuk anjing dan tiada boleh di tanam bangkainya itu ditanah perkuburan orang Islam. Jika bangkai tersebut menyusahkan orang ramai, ia boleh ditimbus dalam tanah di mana-mana sahaja.

Oleh yang demikian wajiblah ia bertaubat dan mengucapkan dua kalimah shahadat serta faham isi kandungan keduanya, baharulah ia menjadi orang Islam semula.

Selain daripada anak buah Qadiani dan Bahai ada puak-puak sesat dan bodoh cuba mengelirukan orang Islam dengan fikiran yang datang dari syaitan seperti ajaran mandi air sembilan itu.

WAALAHU A'ALAM

(bersambung)

# ISRAK MEKRAJ DISAMBUT SELURUH NEGERI

**BANDAR SERI BEGAWAN 9HB MEI**

SAMBUTAN memperingati peristiwa Israk dan Mekraj Rasul Junjungan Nabi Muhammad s.a.w. diadakan seluruh negeri hari ini dengan berbagai acara keagamaan yang merupakan perhimpunan-perhimpunan umat Islam di masjid-masjid dan surau-surau yang diisikan dengan ceramah-seramah agama, membaca Mekraj dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Acara kemuncak sambutan tersebut ialah Pertandingan Nasyid Peringkat Akhir Senegeri yang telah disiarkan secara langsung melalui televisyen dari Dewan Raya, Jabatan Radio dan Televisyen mulai jam 8.30 malam.

Sambutan memperingati peristiwa agung dan bersejarah itu dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama sebagai salah satu projek tahunan jabatan itu yang yang mana pada tahun ini telah memilih tema sambutan yang berbunyi BERDAKWAH KEWAJIPAN UMMAH. Berikutan dengan itu hari Selasa 10hb. Mei telah diisytiharkan sebagai hari kelepasan awam di negeri ini.

Sebanyak sepuluh buah pasukan nasyid dari seluruh negeri termasuk lima pasukan perempuan telah bertanding di mana johan bahagian lelaki dan perempuan telah disandang oleh peserta dari daerah Brunei dan Muara.

Johan nasyid lelaki yang menggondol hadiah wang tunai sebanyak $2000.00 berserta oskar pusingan dan sebuah pewter telah dimenangi oleh Persatuan Kebajikan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama — TEGUH yang diketuai oleh Awang Haji Kassim bin Haji Ahmad dengan nasyid mereka berjodol Keteguhan Iman ciptaan Awang Haji Md. Jali bin Abd. Latif.

Juga merangkul sejumlah hadiah yang sama ialah johan perempuan yang disandang oleh Pasukan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang diketuai oleh Dyg. Noraini bte Haji Tuah dengan membawakan nasyid yang sama.

Naib johan lelaki yang menerima hadiah wang tunai sebanyak $1700,00 berserta sebuah pewter ialah Pasukan Nurol-Huda Kesatuan Pemuda Pemudi Kampung Sungai Kedayan. Manakala hadiah wang tunai $1500.00 dan sebuah pewter telah jatuh ke tangan Pasukan Badan Seksi Ugama Majlis Belia Daerah Belait yang mendapat tempat ketiga.

Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait telah berjaya menyandang naib johan bahagian perempuan manakala tempat ketiga pula jatuh kepada pasukan Maktab Perguruan Ugama Seri Bagawan.

Dua pasukan kedua-dua bahagian hanya berjaya mendapat hadiah saguhati yang masing-masing bernilai $1300.00 berserta sebuah pewter. Pasukan-pasukan tersebut ialah Pasukan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan Rijalul Ummah Persatuan PERANGKAP bahagian lelaki sementara bahagian perempuan terdiri dari pasukan Kelas Mengaji Al-Quran Kampung Saba Darat 'B' dan Nisaul-Ummah Persatuan PERANGKAP.

Sebelum penyampaian hadiah-hadiah disempurnakan satu syarahan khas telah disampaikan oleh Awang Haji Suhaili bin Haji Mohidin seorang pegwai di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh tetamu kehormat Dr. Pengiran Ismail bin Pengiran Haji Damit Pengarah Kerja Raya, Brunei.



Y.B Dr. Pg. Ismail bin Pg. Haji Damit sedang menyampaikan oskar pusingan kepada Awg. Haji Kassim bin Haji Ahmad ketua kumpulan nasyid Persatuan Kebajikan Pegawai dan Kakitangan JHEU yang menyandang johan bahagian lelaki.



Dyg. Noraini bte Hj Tuah ketua kumpulan nasyid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan sedang menerima oskar kejohanan bahagian perempuan.

## Memucang2 membersih kubur

SENGKURONG — Sambutan kerana memperingati peristiwa Israk dan Mekraj bukan saja disambut dengan acara-acara keagamaan tetapi juga ianya telah diisikan dengan aktiviti kebajikan seperti membersih tanah perkuburan Islam.

Kira-kira seratus orang penduduk Mukim Sengkurong telah memucang-mucang membersihkan tanah perkuburan Islam di mukim tersebut pada hari Selasa lepas.

Kerja amal itu dianjurkan oleh jawatankuasa Masjid Jame' Kampung Sengkurong bersempena dengan sambutan Israk Mekraj.

# Berbahagialah orang2 yang mengiku... ajaran Rasulullah

**MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

**Perasaan kasih sayang itu menjadi sangat penting kepada manusia. Kerana masih adanya kasih sayang itulah, dunia ini menjadi indah. Tanpa kasih sayang segala-galanya akan muram dan malap.**

## Mesyuarat Agung TEGUH

BANDAR SERI BEGAWAN. – Persatuan Kebajikan Pegawai dan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama – TEGUH telah mengadakan mesyuarat agungnya yang pertama pada hari Ahad minggu lepas bertempat di Dewan Sekolah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Jalan Tutong.

Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin menjadi tetamu kehormat di majlis itu siapa yang juga membuka rasmi mesyuarat tersebut.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dilantik hari itu terdiri dari YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain selaku Penaung, Penasihat Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Yang Dipertua Pg. Haji Tuah bin Pg. Muhammad, Naib Yang Dipertua Dato Awang Haji Abd. Salam bin Abd. Razak, Setiausaha Agung Pg. Haji Badaruddin bin Pg. Haji Damit. Timbalan Setiausaha Agung I Awang Haji Sawas bin Haji Jebat, Timbalan Setiausaha Agung II Awang Sabtu bin Aji, Bendahari Awang Abdullah bin Haji Simpol, Timbalan Bendahari Awang Haji Noorkaseh bin Ahmad dan lapan orang ahli jawatankuasa yang lain termasuk dua orang Pemeriksa Kira-kira.

---

Ada sebuah hadis Rasululllah s.a.w. yang membicarakan tentang kasih sayang, yang dihubungkannya dengan kanak-kanak. Disuruhnya kita didik dan ajar anak-anak kita mengasihi tiga perkara, sabdanya yang bererti:

*"Didiklah anak-anak kamu dengan tiga perkara. Pertama, menyintai Nabimu, kedua, menyintai ahli rumahnya (keluarga Nabi) dan ketiga, membaca Al-Quran kerana orang yang ingat atau hafaz Quran akan ditempatkan di dalam naungan rahmat Allah pada hari yang tiada naungan lain melainkan naungan rahmat-Nya sahaja, mereka bersama-sama Nabi-Nabi dan hamba-hamba pilihan-Nya."*

Hadis ini mengingatkan supaya anak-anak Islam itu disuruh ajar dan didik menyintai Nabi Muhammad s.a.w. Suruhan ini mengandung rahsia agar anak-anak itu dari awal-awal lagi dia tahu bahawa inilah dia manusia besar, orang berjasa yang patut dan mesti ditiru dan dicontohi tingkah-laku dan perjuangannya. Orang ini bukan sekadar berjasa kepada umat Arab, bahkan kepada semua umat di dunia. Apa-apa yang dibuat dan diucapkannya adalah pancaran dari wahyu Ilahi, bukan mengikut hawa nafsunya. Kerana itu, berbahagialah orang-orang yang mengikut ajarannya, dan celaka pula siapa yang meninggalkannya. Pengikut-pengikut itu bukanlah pada nama sahaja, bahkan nama dan perbuatan sekali, baharulah diharapkan keselamatan yang total akan kita perolehi, di dunia dan di akhirat. Di dunia kita mendapat rahmat, yang akan terus bersambung mendapat syafaat di akhirat.

Apabila kita mengenang tentang perkhidmatan dan jasa-jasa serta hubungan cara hidup mereka dengan agama, memanglah penting sekali kita pelajari dan baca sejarah mereka itu.

Demikianlah indahnya, mengenal dan mencintai Rasulullah itu membawa kita menerima dan mengetahui ajaran-ajarannya. Begitu juga kita disuruh mencintai ahli kerabat Rasulullah, terutama para isteri Baginda sebagai ibu-ibu kepada orang-orang Islam, memang patut benar kita kenal dan mengasihi mereka itu, kerana masing-masing mereka dengan cara dan pembawaan serta ilmu masing-masing telah menjadi pembantu yang utama kepada Rasulullah. Ada yang membantu dengan harta-benda, dengan perkhidmatan dan lain-lain, yang disumbangkan semata-mata untuk Islam, untuk umat Islam dengan sekalipun tidak pernah mereka itu menyombongkan diri sebagai isteri Nabi, sebagai isteri ketua yang paling besar. Mereka tidak penah menuntut dunia lebih daripada akhirat.

Mereka ini adalah tokoh-tokoh ulung yang tiada akan tertandingi oleh mana-mana tokoh jua sekalipun. Kerana itu sayugia umat Islam mengambil ingatan, di samping kita orang-orang dewasa, anak-anak adalah mustahak kita ajar dan pandu mereka mencintai Nabi dan zuriatnya. Kita galakkan mereka mendalami sejarah. Baca cerita-cerita tentang Nabi, tentang isteri-isteri Nabi. Berikan masa di sini. Jangan dihabiskan dengan membaca yang lain-lain, yang kadang-kadang bacaan-bacaan itu bukan mendorong kepada kebajikan bahkan sebaliknya, seperti membaca buku-buku atau majalah-majalah lucah yang biasanya sangat cepat mendapat peminatnya.

Demikian selari dengan itu kita gandakan jua usaha mendidik dan mengajar anak-anak membaca Al-Quran. Jangan dijadikan ia perkara 'secondary'. Ingatlah, jika mengambil dari maksud hadis ini, teranglah bahawa Al-Quran itu adalah khazanah yang mendatangkan rahmat. Kanak-kanak yang membaca Al-Quran adalah kanak-kanak yang membawa rahmat. Membaca, mengaji dan menghafal ayat-ayat Al-Quran akan membuka hati dan pemikiran yang luas, akan menumbuhkan kesedaran-kesedaran yang kudus di dalam dada orang-orang Islam.

## KHUTBAH JUMAAT



## Majlis ...

BERAKAS ... Askar Me... Brunei di ... mengadakan ... tahlil untuk ... perajurit ... telah ... rahmatullah ... Dewan Pa... Garrisen ... malam esok.

Acara ... jurkan ber... sambutan ... Mekraj yang ... ping itu ... diadakan bac... suci Al-Qur... syarahan ... Israk dan Mi... akan disam... seorang pe... Jabatan H... Ugama.

Yang Am... Pehin Orang ... Wijaya Da... Awang H... Pemangku ... dan bebe... pegawai-pe... kerajaan di ... majlis terse...

---

## Bingkisan minggu ini

# TAMAK: PENYAKIT YANG SUKAR DIUBA...

SIFAT tamak, mementingkan diri sendiri serta memuja kedudukan dan kehormatan adalah penyakit yang sukar diubati dari diri seorang hamba Allah. Masalah yang timbul dari gejala yang disebutkan tadi bukan sahaja memberikan kesan kepada peribadi seseorang itu, malah akan melibatkan juga hubungannya dengan Allah yang maha kuasa. Gejala yang buruk itu disifatkan sebagai tembuk tebal yang menghalang seorang hamba untuk mendekati Tuhannya iaitu Allah s.w.t.

Dalam hubungan ini, Imam Al-Ghazali pernah menceritakan suatu kisah yang agak menarik. Kisahnya: Pada suatu hari seorang teman berkata kepada Yazid: "Saya telah berpuasa setiap hari dan bersembahyang setiap malam selama 30 tahun, tetapi tidak dapat menemukan keriangan batin sebagaimana yang telah engkau ceritakan."

Maka Yazid pun menerangkan kepadanya: "Kalaupun engkau berpuasa dan bersembahyang untuk selama 300 tahun, engkau tidak akan dapat menemukan itu."

"Mengapa begitu?" tanya sahabat lainnya.

"Sebabnya, sifatmu yang hanya mementingkan diri sendiri dan tamak menjadi penghalang sebagai tabir antara engkau dan Allah," kata Yazid.

Kemudian temannya itu bertanya pula: "Katakanlah kepadaku apa ubatnya?"

"Ada ubatnya, tetapi engkau tak akan sanggup menjalankannya." Tetapi temannya itu tetap memaksa dia membuka rahsia ini.

Kata Yazid: "Pergilah kepada tukang gunting rambut (cukur rambut) yang terdekat dari sini dan potonglah janggutmu, bukalah sendiri bajumu kecuali ikat pinggang yang melingkari pinggangmu. Ambillah kantung yang biasa dipakai makanan kuda, isilah di dalamnya dengan buah kenari, gantungkan sekitar lehermu, kemudian pergilah ke pasar sambil menangis dan teriakkanlah bahawa setiap anak yang memberi pukulan ke atas tengkuk lehermu akan menerima sebiji kenari. Selanjutnya sambil bergaya begini pergilah ke tempat persidangan, di mana kadi dan hakim ahli hukum menanti, berkatalah kepada mereka "Selamatkanlah jiwaku!"

Kata temannya: "Sungguh aku tidak sanggup berbuat seperti itu. Berilah cara pengubatan lainnya!"

"Yang saya ceritakan tadi itu adalah cara pengubatan pendahuluan yang sangat perlu dilakukan untuk mengubati penyakitmu," kata Yazid. "Tetapi, sebagaimana aku katakan tadi engkau tidak dapat disembuhkan lagi."

Adapun sebab-sebabnya Yazid menghuraikan cara pengubatan ini kepada temannya ialah kerana temannya itu seorang yang gemar mencari nama, kedudukan dan kehormatan. Hawa nafsu dan kesombongan keduaduanya merupakan penyakit yang hanya dapat diubati melalui cara-cara yang dihuraikan di atas tadi. Allah telah berfirman kepada Nabi Isa a.s. "Hai Isa, apabila Aku lihat di dalam hati hamba-Ku terdapat cinta yang suci kepada-Ku, tidak tercampur oleh sesuatu tamak, maka ia akan Kuperlakukan sebagai penjaga cintanya itu."

Pada suatu ketika orang-orang bertanya kepada Nabi Isa a.s. "Perbuatan apakah yang paling mulia dari segala perkara?"

Beliau menjawab: "Cinta akan Allah dan menerima nasib yang ditakdirkan oleh-Nya."

Jadi da... tersebut ... kita bahaw... yang sebe... kehidupan ... dian (di ... ialah untu... hadirat A... suatu tuju... citakan ya... Kenikmata... yang dik... itulah yan... bawa keba... barangsiap... sedikit ... Allah, mak... pun ia ... sedikit juga... kebahagia... akhirat ... kepada ... di dunia ... kalau kita ... sejak di ... akan me... cinta-Nya ... (kebahagia... kekal aba...

# TIGA PRINSIP YANG MESTI DIJUNJUNG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga prinsip yang sepatutnya dan semestinya dijunjung dan disambut dengan cara yang selayaknya oleh umat Islam di atas kedudukan dan penghormatan serta kewajipan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada kita umat Islam.

Tiga prinsip tersebut ialah menyuruh berbuat kebaikan, menegah perbuatan mungkar dan beriman kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benarnya.

Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menekankan demikian dalam perutusannya sempena memperingati Israk dan Mekraj yang disiarkan melalui Televisyen Brunei pada 9hb. Mei lepas.

"Prinsip ini adalah kewajipan semua Muslim yang mukallaf dan bukan hanya tertentu kepada satu-satu jabatan kerajaan, bukan hanya kepada golongan-golongan bijak pandai agama semata dengan ertikata yang di sebalik orang bukan golongan agama atau bukan jabatan yang berkenaan boleh menghindar diri atau melepaskan tanggungannya atau berpangku tangan," ujar Y.D.M. Pehin.

Fahaman negatif inilah yang menjadi kesilapan besar kepada umat Islam sehingga menimbulkan masalah kepada umat Islam sendiri apabila berhadapan dengan soal-soal besar yang melibatkan diri mereka dengan orang lain yang kadang-kadang menjejaskan imej dan kehormatan umat Islam.

Di dalam masyarakat Islam tambah Y.D.M. Pehin Tuan Imam lagi, setiap anggota adalah dikehendaki menjunjung tugas di dalam bidang ikhtisas masing-masing, yang satu mencukupkan yang lain, yang kuat menguatkan yang lemah sehingga dengan demikian bangunlah masyarakat itu dengan kekuatan tersendiri. Setiap anggota dalamnya ada kekuatan pada dirinya dan memperkuat anggota yang lain atas nama Islam.

Menyentuh peristiwa Israk dan Mekraj Y.D.M. Pehin Tuan Imam berkata peristiwa itu penting dalam fasa-fasa sejarah pemikiran dan perkembangan dakwah Islamiah bukan hanya sekadar mukjizat tetapi ialah penemuan-penemuan baru yang membentangkan hakikat-hakikat keimanan yang tinggi yang dijadikan experiment oleh Allah s.w.t. terhadap manusia.

Hasil dari penemuan baru dalam Israk dan Mekraj itu sebagaimana terbukti dalam sejarah jelas beliau lagi, umat Islam telah dapat menanam benih-benih yang baik yang kemudiannya menjadi pohon-pohon besar dan berbuah lebat memberi makanan dan zat vitamin kepada tubuh badan yang baru lahir, iaitu pengikut-pengikut Islam yang pada ketika itu masih lemah dan kecil.



Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Dari peristiwa itu dapat dilihat tiga golongan yang telah menentukan nasib masing-masing di hadapan Islam. "Golongan pertama ialah golongan yang benar-benar beriman sedia berkorban percaya apa saja terhadap Islam seperti Sayedina Abu Bakar. Golongan kedua ialah golongan yang benar-benar kufur dan tidak percaya apa saja terhadap kejadian Allah iaitu yang diketuai oleh Abu Jahal dan Abu Lahab dan golongan ketiga yang asalnya percaya kepada Islam tetapi telah berbalik kepada kufur dan bidaah kerana aqidah kepercayaan mereka tidak sampai kepada tahap kesungguhan lalu terbuka tembelang asal dan menjadi anti Islam."

Maka jelaslah peristiwa Israk dan Mekraj itu menampakkan bahawa dari sejak mula ia lahir Islam telah berdakwah memperjuangkan yang hak semata dan menolak kebatalan dan keraguan. Dan memperjuangkan yang hak itu bukan tanggungan satu-satu golongan dan bukan dengan disertai oleh unsur-unsur sampingan yang lain yang tidak benar dan hak, jelas Y.D.M. Pehin Tuan Imam lagi.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 18hb Mei, 1983 hingga ke hari Selasa 24hb Mei, 1983 adalah seperti di bawah ini :

| Hari Bulan | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak | Imsak | Subuh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 18hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 19hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 20hb Mei | 12.23 | 3.40 | 6.32 | 7.44 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 21hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 22hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 23hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |
| 24hb Mei | 12.23 | 3.41 | 6.33 | 7.45 | 4.37 | 4.51 | 6.05 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

## Dua pegawai hadiri persidangan ukur di K.L.

BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah memperkenankan penghantaran dua orang Pegawai Kanan Jabatan Ukor ke satu persidangan yang diadakan di Universiti Teknologi Malaysia di Kuala Lumpur.

Menghadiri persidangan yang dinamakan 'South East Asian Regional Conference on Photogrammetry and Remote Sensing Education' itu ialah Penolong Juru Ukor Kanan, Awang Mohamad Taib bin Haji Mohd. Said dan Juru Ukor Tanah, Pengiran Matusin bin Pengiran Haji Matasan.

Persidangan selama seminggu itu telah bermula Sabtu lalu, 14hb. Mei dan akan berakhir pada 21hb. Mei ini. — AP

## RALAT

Jadual Waktu-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit keluaran minggu lepas telah tersalah cetak, oleh yang demikian jadual tersebut tidak di pakai.

— Sidang Pengarang.

# PANDUAN HAJI

**BERIKUT ialah ceramah perubatan untuk bakal-bakal haji yang disampaikan oleh Awang Haji Johari bin Abd. Rahman dari Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.**

## BAKAL HAJI MESTI SIHAT

PADA awal-awal kursus tuan-tuan telah diberitahu tentang keperluan yang dikehendaki untuk menunaikan fardu haji. Salah satu darinya ialah mesti dalam keadaan sihat sama ada fizikal mahu pun rohaniah. Tanpa mempunyai kesihatan yang baik tentunya tujuan abiskita untuk beramal ibadat dan mendapatkan haji yang mabrur akan terganggu. Sebab itulah Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dengan kerjasama Jabatan Perubatan Brunei mengurus dan mengaturkan semua bakal-bakal haji dimestikan menjalani pemeriksaan doktor dan siapa yang didapati sihat akan diberikan Sijil Kesihatan. Manakala yang didapati tidak sihat dan mengidap penyakit tertentu yang mana boleh mendatangkan mudarat pada dirinya semasa berada di tanah suci dinasihatkan oleh doktor supaya membatalkan sahaja rancangannya itu. Insya-Allah jika diizinkan Allah dan rezeki bertambah dan kesihatan mengizinkan, tahun hadapan bolehlah meneruskan rancangan itu. (Kadang-kadang doktor terpaksa membenarkan kerana desakan bakal-bakal jemaah haji dengan alasan-alasan TAKDIR dan menerima risikonya atas tanggungjawab sendiri). Tetapi bagi pendapat saya menurut pengalaman saya sendiri orang yang tidak menurut nasihat doktor menghadapi masalah-masalah yang rumit bukan sahaja semasa berada di Madinah dan Mekkah juga dalam perjalanan dari satu tempat ke tempat yang lain dan ini sudah tentu menjejaskan apa yang sepatutnya dilakukan dalam pekerjaan haji ini.

Tuan-tuan yang sudah diakui sihat dan Sijil-sijil Kesihatan diberikan tidaklah bermakna akan selamanya bebas dari penyakit atau keuzuran kerana penyakit itu sentiasa mengintai-intai untuk menyerang tuan-tuan pada bila-bila masa jika tuan-tuan cuai menjaga kesihatan diri.

Di antara perkara-perkara yang perlu abiskita ambil berat dalam menjaga kesihatan ini semasa berada di tanah suci ialah tentang:

### MAKANAN

Mestilah cukup dan berzat dan oleh kerana sayur-sayuran mungkin kurang bersesuaian, banyakkanlah memakan buah-buahan. Buah-buahan ini hendaklah dibasuh dahulu sebelum memakannya. Makan hendaklah tepat pada waktunya dan perut hendaklah sentiasa berisi sebelum membuat sesuatu pekerjaan itu. Jika ada di antara tuan-tuan dalam rawatan doktor-doktor kerana penyakit-penyakit tertentu hendaklah patuh ke atas peraturan-peraturan makan yang diberikan oleh doktor di mana-mana sahaja tuan-tuan berada. Banyakkanlah meminum air untuk mengelakkan kekurangan air dalam tubuh kitani. Sekurang-kurangnya 3 litres (3-4 botol) sehari. Orang-orang yang berdugal amalkan minum susu.

### KEBERSIHAN TUBUH DAN PAKAIAN

Ini juga perlu demi menjauhkan kerangsangan kulit dan kurang keselesaan yang mana boleh mengganggu ketenteraman dan menimbulkan masalah kerana tidak dapat berihat sepenuhnya. Juga amalkan tabiat membasuh tangan sebelum menyediakan makanan, makan dan selepas dari tandas.

### TIDUR

Adalah sangat-sangat mustahak. Hanya melalui tidur kitani boleh berihat dengan sepenuhnya. Ianya bukan sahaja menghilangkan kelesuan dan kepenatan dan juga menghilangkan fikiran-fikiran yang rungsing. Banyak tidur yang diperlukan ialah di antara 5-8 jam. Ingatlah kekurangan tidur akan menambahkan kelesuan dan jika dibiarkan boleh melemahkan badan, mengurangkan kecekapan jasmani dan rohaniah dan mudah dihinggapi penyakit. Pada hari hendak belayar seberapa boleh dapatkan tidur yang cukup supaya tidak merasa letih bila sampai di Jeddah. Jika di rumah tidak tidur dan berihat kerana pada kebiasaannya di saat-saat akhir akan belayar sentiasa dikunjungi oleh sanak saudara dan kawan-kawan bayarlah tidur itu di masa berada di dalam kapal terbang dalam perjalanan ke Jeddah. Untuk membolehkan tuan-tuan berihat dengan selesanya di masa berada di kapal terbang janganlah membawa dua tiga beg di tangan kerana ini akan memenuhi ruangan tempat duduk tuan-tuan dan untuk meluruskan kaki pun tidak dapat.

(Bersambung)

## Radio minggu ini:

# PENGEMBARAAN KAKITANGAN RADIO

KAKITANGAN-kakitangan Bahagian Melayu Radio Televisyen Brunei mengembara beribu batu sebulan bagi perkhidmatan siaran. Mereka mengembara dari daerah ke daerah, dari kampung ke kampung, dari bandar ke daerah pendalaman. Mereka mengembara menggunakan kereta, outboard dan ada kalanya berjalan kaki hingga berbatu-batu. Dan lebih banyak pengembaraan itu dilakukan pada hari-hari kelepasan pejabat, seperti hari-hari Jumaat dan Ahad, dan juga hari-hari kelepasan awam. Dan selalu pula pengembaraan itu dilakukan di waktu petang dan malam.

Pengembaraan kakitangan radio ini tidak ada 'off-nya' kerja di meja Pengelola Bahagian Melayu berlamparan surat-surat permohonan dari orang ramai di kampung-kampung meminta wakil radio membuat rakaman-rakaman acara-acara sambutan yang diadakan mereka. Acara-acara diadakan dalam bentuk aneka rupa menurut musimnya.

Umat Islam ketika ini sedang meraikan sambutan Israk Mekraj, berbagai-bagai peraduan dan syarahan telah diadakan. Di samping itu, tercatat pula pada buku peringatan harian Pengelola Bahagian Melayu beberapa orang pembesar-pembesar negara dari luar negeri membuat lawatan ke negeri ini, bagi memastikan sejauh mana perkembangan dan kemajuan negeri ini, dan akan dibawa mulih ke negaranya untuk menjadi ristaan, di mana Brunei sudah mampu sebagai sebuah negara maju dan merdeka. Radio tidak ketinggalan membuat rakaman-rakaman dan ulasan.

Pengembaraan kakitangan radio ke kampung-kampung dan ke daerah-daerah pendalaman di negeri ini demi memikul tugas harian dapat menambahkan idea mereka dalam menerbitkan rancangan-rancangan, kerana dengan pengembaraan itu mereka dapat memerhatikan sawah rakyat yang luas terbentang, tanah ladang rakyat yang menghijau subur, tenaga letrik yang marak menyala di kampung-kampung, air yang bercucuran dari muncung-muncung paip, anak-anak kampung menuju ke sekolah-sekolah, jalan-jalan kecil yang berliku-liku, ternakan ayam itik anak kerbau dan sapi, suasana pendalaman yang aman damai, tasik dan sungai, bukit gunung dan lurah keindahan alam negara kurniaan Tuhan.

Semuanya itu menjadi idea kepada kakitangan radio dalam menerbitkan rancangan-rancangan yang berfaedah. Oleh kerana sesuatu yang disiarkan oleh radio itu adalah untuk orang ramai maka kakitangan radio itu perlu mengetahui latar belakang kehidupan orang ramai itu sendiri. Kerana itu, pengembaraan beribu batu sebulan oleh kakitangan radio itu dapat mendekatkan mereka dengan orang ramai terutama yang tinggal di daerah-daerah pendalaman. Dan hubungan yang terjalin dari seorang yang berada di dalam studio berhawa dingin dengan seorang rakyat yang sentiasa bermandikan keringat di bawah pancaran sinar matahari dapat mematerikan perasaan saling mengerti. Dan kakitangan radio akan terus mengembara demi menjalankan tugas hariannya bagi perkhidmatan radio di negara ini.


13 April, 1983

Dear Rosie,

I have been watching your cooking demonstrations in the programme, "Mari Memasak" on our Channel 5 every Tuesday, when I am at home, and for a long time I have wanted to write and tell you and your producer how much I have enjoyed your demonstrations and the results.

As I am not very fond of desserts and cakes, I have tried out your savoury dishes like "Soto", "Udang Rendang [illegible]", "Ayam [illegible]" and others. Friends who have tasted the dishes I have cooked from your recipes have taken the recipes from me, so that they can cook them at home. Prawns are today very expensive, but once in a while we can afford a little extravagance and use your recipe. As I can follow your Malay well enough to jot down the ingredients and method used in each dish, I keep the recipes I fancy in my collection.

I am a Sarawakian, the author of "My Favourite Recipes" which I compiled after the war, when I was principal of the Methodist Girls' School and had to raise money for the school building fund. When the magazine "Female" was launched [illegible] ten years ago, I was in charge of the Cookery section. To celebrate the 10th anniversary of "Female", the editor has asked me to prepare dishes [illegible]

## *Sekalung bunga untuk Mari Memasak*

RANCANGAN terbitan RTB, Mari Memasak, telah mendapat sambutan hangat di kalangan peminat-peminat bukan sahaja di tanahair malah juga di negara-negara jiran di mana rancangan ini dapat diikuti.

Banyak surat-surat penghargaan telah diterima dari para penonton di Brunei, Sabah dan Sarawak. Tidak ketinggalan ialah surat-surat tahniah dari peminat-peminat di Singapura, di mana rancangan terbitan RTB ini ditayangkan oleh Perbadanan Penyiaran Singapura, SBC. Antara surat penghargaan dari Singapura ialah yang ditulis oleh Puan E. Handy, penulis buku masakan "My Favourite Recipes". Beliau juga mengawas Bahagian Masakan Majalah "Female", apabila majalah itu mula diterbitkan kira-kira sepuluh tahun dulu. Puan E. Handy berkata beliau sendiri telah mencuba beberapa resipi masakan yang ditunjuk ajar dalam rancangan Mari Memasak, dan mendapatinya lazat dan menyelerakan. Beliau juga memberi sanjungan dan tahniah terhadap mutu penyampaian dan persembahan RTB dan mengharapkan agar rancangan itu akan terus ditayangkan.



............... IN THE NAME OF ALLAH, THE MERCIFUL, THE COMPASSIONATE — that's how we start the morning everyday on the blue channel of Radio Brunei. In line with the government's aspirations to uphold Islam as it's identity Radio Brunei English Service has launched 'Quran And It's Translation's' series since early this year and by now we've reached the third 'SURAH' on the Quran, 'Suratal Imran'.

The picture shows Haji Mohammad Siraj (seated left) giving the English recitations with effect from 16th May, 1983 while recitations in English of the first two 'Surahs' have been presented by Pengiran Abu Bakar bin Pg Haji Saripudin. And the Arabic recitations are rendered by Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit (seated right) who was a former champion of the International Quran reading competition. To get to know more about the teachings as conveyed in the Quran, tune in every morning at 6.30 am to the English Service of Radio Brunei.

## Battle of Words — Final

UPPER SECONDARY :
ST. ANDREW'S SCHOOL
Vs.
ST. ANGELA'S SCHOOL
( FRIDAY 20TH. MAY, 1983 AT 11.00 AM ).

LOWER SECONDARY :
SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN COLLEGE
Vs.
ST. GEORGE'S SCHOOL
( SUNDAY, 20TH. MAY, 1983 AT 11.00 AM ).

RANCANGAN PENDIDIKAN TELEVISYEN

Dari 23hb. Mei hingga 28hb. Mei, 1983

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 18HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GREAT SPACE COASTER
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 DIFFERENT STROKES
6.30 321 CONTACT
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 321 CONTACT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART (Siri baru) "Harts On Campus"
7.44 AZAN ISYAK
7.49 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 18
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 PRIVATE BENJAMIN : "Me, Me, Me,"
Kedatangan seorang penyibar fahaman "Me" menyebabkan kem Fort Bradley kurang disiplin. Capt Lewis telah menjadi seorang pengikutnya.
9.45 QUINCY : "Guilty Until Proven Innocence"
10.35 TAYANGAN GAMBAR : "A Farewell To Arms" (Drama)
Kisah cinta yang trajik antara seorang pemandu sebuah ambulans bangsa Amerika dengan seorang jururawat Inggeris. Mereka bertemu dalam perang Dunia Pertama di Itali. Pelakon-pelakon: Rock Hudson, Jennifer Jones Bittrio Defica, Oscar Homolka dll.
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 19HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLINTSTONE FROLICS
6.30 SAFARI TO ADVENTURE "Bear Country"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 SAFARI TO ADVENTURE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER : "Topaz Connection"
Seorang penerbit yang sedang mengusaha satu pendedahan telah dibunuh. Dia menyimpan kerjanya itu dalam sebuah komputer yang ia seorang sahaja mengetahui kodnya. Anak perempuannya, Lauren tidak puas hati atas kematiannya itu dan telah meminta bantuan Michael mempastikannya.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 19
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 ROAD TO WEMBLEY : "Brighton vs Sheffield Wednesday" Semi-final
10.45 NINE TO FIVE : "The Party's Over"
11.15 BELLAMY
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 20HB MEI

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN AGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN
1.30 ROAD TO L.A.

PETANG

2.15 THE YOUNG MAVERICK — "Have I Got A Girl For You"
3.00 HEROES' HIGH
3.30 THE EXPEDITION TO ANIMAL KINGDOM : "Can Galapagos Be Saved?"
3.40 AZAN ASAR
3.43 THE EXPEDITION TO ANIMAL KINGDOM — sambungan
4.00 THE LITTLE RASCAL
4.25 DOKUMENTARI TEMPATAN: Mukim Burung Pingai (Ulangan)
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 AGRICULTURE (Episod terakhir) "The Preservation And Protection of The Soil"
5.35 THE ODDBALL COUPLE
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY : "The Monster"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.42 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE AMAZING SPIDERMAN : "Photo-finish"
Spiderman menyelesaikan satu kes kecurian yang kompleks dengan satu skim yang kompleks juga supaya penjenayah-penjenayah itu menyerah diri.
7.44 AZAN ISYAK
7.49 SPIDERMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 20
8.45 BINTANG KECIL '83 — Semi-final No 2.
9.45 DALLAS : "The Ewing Blues"
Banyak lagi pergisiran yang timbul dalam Ewing.
11.30 BENSON
11.00 F.A. CUP (Preview)
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 21HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 GEOGRAPHY TODAY
6.28 THE ANIMAL WORLD : "Zululand"
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 THE ANIMAL WORLD — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BEST OF MIDNIGHT SPECIAL
7.45 AZAN ISYAK
7.50 BEST OF MIDNIGHT SPECIAL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 21
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 FILEM RENCANA TEMPATAN : Perpindahan Mata-Mata
9.45 F.A. CUP FINAL (Siaran Langsung)
11.45 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Brink's : The Great Robbery"
Dari kisah benar satu rompakan yang pernah berlaku di Boston, A.S. Tujuh orang yang bertopeng dan bersenjata telah merompak Brink's Inc. Hampir enam tahun selepas kejadian itu barulah pihak FBI dan Polis di Boston dapat "menutup" fail kes rompakan itu. Pelakon-pelakon : Carl Betz, Stephen Collins, Burr De Benning dll.
1.15 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 22HB MEI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 THE GOLDIE GOLD AND ACTION JACK (Siri Animasi baru)
Goldie Gold ialah seorang "James Bond" wanita. Berumur 18 tahun, kaya dan penerbit Gold Street Journal. Bertemankan Jack Travis, pemberita dan pengawal keselamatannya. Mereka berdua dan Sam Gritt (pengarang) dan anjing mereka, Nugget menimbulkan aksi-aksi yang menarik.
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.41 AZAN ASAR
3.44 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.00 PLASTIC MAN
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND OPPORTUNITIES : "Farm Science Centres in India"
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY DAYS GANG
6.30 LOVE SIDNEY : "Just Folks"
Sidney mengelak satu konfrantasi menjadi satu pergaulan mesra dengan keluarga Laurie yang datang melawatnya dan cucu mereka, Patti.
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 LOVE SIDNEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON : "Killing Isn't Everything"
Kematian tuan punya sebuah pasukan pro-football melibatkan Matt Houston untuk membuat siasatan untuk membela seorang pemain quarterback yang dituduh melakukan pembunuhan itu.
7.45 AZAN ISYAK
7.50 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 22
8.45 BUMI HIJAU No. 2
9.35 ONE IN A MILLION : "Max Falls In Love"
10.05 INSIDE A MULTINATIONAL
11.25 TALES OF THE UNEXPECTED : "Death Can Add"
Oliver Pratt berjaya menipu syarikatnya sehingga jurukira mengetahui rahsianya. Sekiranya dia tidak dibantu oleh setiausaha dan temanitanya, segala-galanya berjalan dengan baik.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 23HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 WHISPER OF GLOCKEN :
5.15 THE PERILS OF PENELOPE PISTOP : "Arabian Desert Danger"
5.40 DASTARDLY AND MUTTELY
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 THAT'S INCREDIBLE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY : "Pilot" Bhg 2.
7.45 AZAN ISYAK
7.50 TALES OF THE GOLD MONKEY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 23
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 ARE YOU BEING SERVED ? : "Strong Stuff This Insurance"
Grace Brothers melancarkan skim insuran bagi kakitangannya. Untuk melayakkan diri semua mereka terpaksa menjalani peperiksaan kesihatan.
9.45 NUCLEAR NIGHTMARES Bhg 2 (Episod terakhir)
10.35 THE PHOENIX — "Pilot" Bhg 2.
11.25 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 24HB MEI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GULLIVER IN LILLIPUT
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN ANIMATION
6.00 BERITA AWAL
6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
6.33 AZAN MAGHRIB
6.43 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 IRAMA DAKWAH (Ulangan)
7.45 AZAN ISYAK
7.50 IRAMA DAKWAH — sambunyan
8.15 PERTANDINGAN MEMBACA AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN PERINGKAT NEGERI 1983 (Siaran Langsung dari Padang S.M.J.A.)
11.00 CERAMAH ISRAK MEKRAJ No. 24
11.10 STRANGERS : "No Orchids"
12.00 SIARAN TAMAT.



SATU siri animasi baru GOLDIE GOLD AND ACTION JACK (atas) bermula Ahad lusa, kira-kira jam 2.15 petang.

# Lawatan Perdana Menteri Jepun TYT Yasuhiro Nakasone ke Brunei



Tuan Yang Terutama Yasuhiro Nakasone bersama isteri Puan Tsutako Nakasone ketika turun sebaik sahaja pesawat khas yang membawa beliau dan rombongan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



Kanan — kelihatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah sedang membawa TYT Yasuhiro Nakasone untuk menuju pentas khas bagi menerima penghormatan sejurus setelah YTM mengalu-alukan kedatangan beliau. Di belakang kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah bersama isteri TYT, Puan Tsutako Nakasone.

Bawah — TYT bersama YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersama isteri masing-masing ketika menerima penghormatan melalui pentas yang dibina khas.

PERDANA MENTERI JEPUN, Tuan Yang Terutama Yasuhiro Nakasone telah dialu-alukan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sebaik sahaja beliau menjejakkan kaki di lapangan terbang antarabangsa Brunei setelah turun dari kapal terbang Khas kepunyaan Sharikat Penerbangan Jepun yang membawa T.Y.T. bersama isteri dan rombongan.

Setelah berada di pentas hormat yang dibina khas bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, isteri T.Y.T Puan Tsutako Nakasone dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, hormat Panglima untuk T.Y.T. telah diberikan oleh pasukan kawalan kehormatan yang dianggotai oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang mana kemudian diikuti dengan lagu kebangsaan Jepun dan Brunei yang dimainkan oleh kumpulan pancaragam pasukan tersebut.

T.Y.T. kemudian dibawa dengan kenderaan khas menuju Istana Darul Hana untuk mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bersama beberapa menteri kanan Jepun. Berangkat ke majlis itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah. Turut hadir ialah Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Y.T.E. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa.

Di majlis yang berasingan, Puan Tsutako Nakasone pula mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Berangkat ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Nor'ain. Juga hadir ialah isteri Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Dimuliakan Datin Dayang Diraja Datin Seri Utama Rosnah bte Abdullah dan isteri Pemangku Menteri Besar, Datin Zahrah bte Haji Idris.

Sementara itu lain-lain ahli rombongan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jepun dan juga wartawan yang mengiringkan beliau menurut aturcara yang berasingan telah mengadakan lawatan ke Masjid Omar Ali Safuddin dan Jabatan Muzium Kota Batu.

Sebelum pulang T.Y.T. dan rombongan telah diraikan di satu jamuan makan tengah hari yang diberikan oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bertempat di Dewan Sambutan Istana Edinburgh.

Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan T.Y.T. Yasuhiro Nakasone masing-masing bertukar balas ucapan di majlis tersebut.

Semasa hendak meninggalkan negara ini setelah bermesra kira-kira empat jam, T.Y.T. diucapkan selamat belayar oleh Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bersama Y.T.M. Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah yang turut lagi mengetuai pembesar-pembesar, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.







...ketika menyampaikan ucapan di majlis makan tengah hari di Dewan ...burgh.



TYT bersama YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di majlis makan tengah hari di Dewan Persantapan Istana Edinburgh.





YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah sedang mengucapkan selamat belayar kepada TYT sejurus sebelum pulang.



Atas — Para jemputan yang terdiri daripada pembesar-pembesar, ketua-ketua dan pegawai-pegawai kanan kerajaan bersama menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan Jepun di majlis makan tengah hari di Dewan Persantapan Istana Edinburgh.

Kiri — TYT Yasuhiro Nakasone ketika memeriksa barisan kawalan kehormatan yang dianggotai oleh Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Kanan — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah sedang mengucapkan selamat belayar kapada TYT Yasuhiro Nakasone sejurus sebelum TYT bertolak meninggalkan negeri ini.



# Rancangan-rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Dendang Suria |
| 6.45 | Berita |
| 6.50 | Dendang Suria |
| 7.05 | Panduan Sukan |
| 8.15 | Intisari Rancangan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 12.00–12.45 | Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo) |
| 12.15 | Mutiara Titah |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 5.45 | Brunei Dalam Sejarah |
| 6.00 | Siri Mukaddam |
| | Bingkisan Hari Ini |
| | Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita |
| 8.00 pagi | dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (Tiap-tiap ... Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU
## 18HB MEI

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambaran Dari Awda, 11.30 — Dendang J. Kamisah.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Selindang Delima Siri ke-6), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Bacaan Al-Quran dari qari dan qariah. Musabaqah Membaca Al-Quran Dewasa Peringkat Separuh Akhir.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman, 9.45 — Senandung Budaya, 10.00 — Senandung Malam.

## HARI KHAMIS
## 19HB MEI

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Bacaan Al-Quran dari qari dan qariah. Musabaqah Membaca Al-Quran Dewasa Peringkat Separuh Akhir.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran. 9.45 — Lagu-lagu Asli.

## HARI JUMAAT
## 20HB MEI

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future Event, 8.25 — Panduan Wanita. 9.00 — Ujilah Bahasa Kita. 9.30 — Dunia Wanita. 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli. 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. 1.15 — Lagu-lagu Nasyid, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong/Pusparama. 3.15 — Panduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Semasa. 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga. 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

## HARI SABTU
## 21HB MEI

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Pertandingan Bintang Kecil Radio 1983, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kulah Agama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

## HARI AHAD
## 22HB MEI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama, 11.00 — Kugiran Tanahair, 11.30 — Berbalas Pantun.

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucap Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 — Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Keroncong/Puspasari (SU), 9.45 — Di Buang Sayang (Permintaan Lagu-lagu Lama).

## HARI ISNIN
## 23HB MEI

PAGI: 8.30 — Menyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan Lagu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Permintaan Sukaramai, 11.30 — Pertanian.

TENGAH HARI: 1.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat (SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 — Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar, 4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang Remaja, 4.30 — ... 4.45 — Rampaian Joget, ... wakili Zamannya, 5.15 — ... 5.45 — Kuliah Agama (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah ... — Hiburan Malam, 8.30 — ... usahaan, 9.00 — Lagu-lagu ... — Ku Tujukan Lagu.

## HARI SELASA
## 24HB MEI

PAGI: 8.25 — Panduan Wanita ... Perajurit (SU), 9.00 — ... bangsa, 9.30 — Pilihan ... — Lagu-lagu Berirama ... Rampaian London, 10.45 — ... mintaan Kaum Wanita, ... baran Awda, 11.30 — ...

TENGAH HARI: 1.30 — ... Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Ku ... — Gema Silam, 3.30 — ... — Gema Keroncong ... Seni Dan Sastera, 5.00 — ... 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — ...

MALAM: 7.00 — Ruangan ... — Selingan Irama, 8.15 — ... karamai, 9.00 — ... 9.45 — Senandung Malam ...

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Classical music night with Rory Higgins |
| 8.30 | Hello Tomorrow |
| 9.30 | Classical Music (continued) |

### Thursday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | Sixty-Minute Theatre: "EH" by Henry Livings. |
| 9.30 | Country Club — 41. |

### Fridays/Holidays

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Words '83 — Final: St. Andrew's School vs St. Angela's School. |
| 11.30 | Children's half hour |

NOON

| | |
|---|---|
| 12.00 | Yesterday Once More — 20. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | My Music — 249/267. |
| 1.15 | Book Club: Summer Lightning by P G. Wodehouse — 10/15 |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | Up The Belait River Without A Paddle — 97. |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date |

### Saturday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Melody Time. |
| 8.30 | Strictly Instrumental |
| 8.45 | Just A Minute — 256/261. |
| 9.30 | Top of The Pops — 963. |

### Sunday

A.M.

| | |
|---|---|
| 11.00 | Battle of Word Final: SOAS College vs St. George's School (Lower Secondary) |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week. |
| 12.00 | A Date |

P.M.

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 963. |
| 1.30 | Close Down. |

STUDENT NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | A Feature. "Listening to War" A programme describing, with the help of those original monitors and archive recordings, the formation and function of BBC's monitoring service throughout the Second World War. |
| 8.30 | Beautiful Music — 25/48. |
| 8.45 | BBC Science Magazine |
| 9.30 | Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by Jamse Follett — 2/10. |

### Monday

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five ... thal's Blues" by ... Buttress. |
| 8.45 | Profile: Bocentown ... Side 1 of 1. |
| 9.30 | All That Jazz — ... |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.00 | John Lennon ... five part tribute ... and his music. |
| 9.30 | Stereo Pop Special ... Little River Band ... |

### Daily

A.M.

| | |
|---|---|
| 6.32 | Quran and It's ... |
| 6.40 | Brunei's Am |
| 7.00 | Local News with ... and Brunei In ... |
| 7.15 | Brunei's A.M. ... |
| 11.00 | Ladies At Eleven ... Fridays and Sundays ... |
| 12.00 | Lunch Break — ... days and Sundays ... |
| 12.30 | News and weather ... sidelines and ... Brunei. |

P.M.

| | |
|---|---|
| 8.30 | Radio Newsreel ... Sundays) |
| 9.15 | News. |

# Intisari minggu ini

## ...sertai Pertandingan ...Remaja 1983

### Pertandingan-pertandingan peringkat Daerah akan diadakan hujung bulan ini



SALAH seorang peserta yang menyertai Pertandingan Bintang Remaja.



## Osman menjadi tetamu Rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini

RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar bersama awda lagi pada minggu ini dengan peserta Awang Osman bin Hassan di alamat No: 3, Kg. Pengiran Kerma Indera Lama, Brunei.

Seperti biasa peserta dalam rancangan ini akan memilih beberapa buah lagu untuk hiburan para pendengar.

Rancangan ini ke udara pada hari Isnin, 23hb. Mei, jam 1.30 petang.

### ...23HB MEI

...EN AND SPEAK
...ari Raya)
...i ini mengenalkan ke-
...rid Hari Raya dan per-
...an yang biasa dibuat
...Raya menjelang seperti
...Hari Raya, kuih-muih,
...lain lagi.
...akhiri dengan sebuah

...K DARJAH 6
...Air I)
...dimuati dengan mem-
...rid menyaksikan pe-
...andangan Negeri Bru-
...dan menunjukkan ke-
...mula jadi. Setelah itu
...hasa mengenali salah
...alam semula jadi iaitu
...r.

...DANG 873.
...li ini dimuati dengan
...seperti NAIK KUDA,
...PERHATI, MINUM,
...NIS, PAK LONG, SIRI
...dan CERMIN SAKTI.

...NGAN KAP KAP

### SELASA — 24HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN DAN SPEAK (Menjelang Hari Raya)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air I)

10.30 KAP KAP UDANG 874. UNTUK DARJAH 6
Dalam rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktviti seperti BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI MANIS, MINUM, AMIN, TEKA BUNYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 874.

### RABU — 25HB MEI

**PAGI**

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN DAN SPEAK (Menjelang Hari Raya)

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 6 (Hidupan Di Air I)

10.30 KAP KAP UDANG 875.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti BOLA TUMBUK, TUNJUK BENDA, AMINAH, MINUM, BELON SI MANIS, YANG MANA GANJIL dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 875.

### KHAMIS — 26HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 876.
Dalam rancangan hari ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, MINUM, PETI SURAT, BERSENAM, BERCERITA dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 876.

### SABTU — 28HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 877.
Rancangan kali ini dimuati dengan aktiviti-aktiviti seperti MAIN MUZIK, MAIN BANG, MINUM, KETUA KESELAMATAN, SI AMIN, MENYANYI dan CERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 877.

## Sandiwara radio:

# PELABUHAN KASIH

### Tarikh siaran 22hb. Mei, jam 10.30 pagi

PELABUHAN KASIH tulisan Norhisham Mustafa, Kelantan Malaysia telah dipilih untuk mengisikan ruangan Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak utamanya, Farid adalah seorang pejuang bangsa dan negara yang tiba-tiba menjadi seorang cacat akibat cedera semasa menjalankan latihan tentera. Ibarat kata pepatah, sudah jatuh ditimpa tangga, begitulah yang terjadi pada Farid. Setelah menjadi seorang cacat yang kodong sebelah kakinya, Farid menerima pula berita buruk dari ibunya yang pertunangannya telah diputuskan.

Bagaimanapun jua, penderitaan itu sekurang-kurangnya dapat dileraikan dengan semangat dan kerjasama yang disumbangkan oleh Iza, seorang jururawat yang bertugas di wad itu. Daripada di dalam wad, Iza meneruskan perhatiannya sehingga Farid dikeluarkan dari hospital.

Satu sebab mengapa Iza sangat mengambil berat tentang Farid, ialah kerana Farid menyerupai Khairul bekas temannya yang telah meninggal dunia. Bagi Farid pula, dia sangat terhutang budi atas jasa baik Iza terhadapnya.

Pergaulan mereka itu terganggu apabila Rosli, seorang pemuda yang menaruh minat terhadap Iza pulang dari pengajiannya di luar negeri. Kedua-dua ibu bapa Iza pula sangat berkenan dengannya untuk menjadi teman hidup Iza.

Sebaliknya hati Iza yang keras itu tetap menentang kemahuan orang tuanya walaupun Rosli seorang yang berkedudukan tinggi. Farid yang sedar akan keadaannya yang serba kekurangan itu, tentulah tidak sampai hati melihat Iza mengharapkannya sedangkan dia sendiri mengetahui yang dia tidak cucuk untuk berpasangan dengannya.

Demi untuk menyelamatkan Iza, Farid telah membuat satu keputusan. Satu keputusan yang bakal menggoncangkan hati dan perasaan Iza.

Apakah sebenarnya keputusan yang Farid ambil itu? Tergamakkah dia meninggalkan Iza? Bagaimana pula keputusan Iza? Untuk mengetahuinya, para pendengar dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada hari Ahad, 22hb Mei, 1983 jam 10.30 pagi.

Terbitan Sandiwara Radio Minggu Ini diselenggarakan oleh Jamilah Abdullah.

## Ujilah Bahasa Kita

Hari Jumaat 20hb. Mei, 1983 jam 9.00 pagi
Peringkat Akhir Bahagian Menengah Bawah:

MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN/SEKOLAH SAINS

bertemu

SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA ISTERI

Hari Ahad, 22hb. Mei, 1983 jam 1.30 tengah hari
Peringkat Akhir Bahagian Menengah Atas:

SEKOLAH MENENGAH ARAB PEREMPUAN RAJA ISTERI PG. ANAK DAMIT

bertemu

SEKOLAH INGGERIS PERDANA WAZIR

# FOKUS : Peranan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan

Sambungan

## Orang-orang cacat berpeluang ikuti latihan2

*DS:* Apakah pula langkah yang dibuat dalam memberikan bantuan kepada masyarakat orang-orang cacat.

*YB Pehin:* Dalam hal orang-orang cacat, kerajaan sangat mengambil berat. Mereka ini jika boleh akan diberikan latihan bimbingan sama ada vokasional atau praktikal.

Ke arah ini tidak lama lagi sebuah bangunan pusat untuk mereka akan dibina di mana mereka akan berpeluang untuk mengikuti berbagai latihan yang khusus.

Buat masa ini kerja-kerja tersebut dikendalikan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan Jabatan ini sendiri serta badan-badan kebajikan tertentu.

*DS:* Menyentuh bidang belia pula apakah usaha yang dibuat terhadap kehendak pergerakan belia yang ada ketika ini?

*YB Pehin:* Soal belia adalah satu soal rumit dan besar. Walaupun setakat ini pada pendapat saya kita belum dapat membantu sepenuhnya pergerakan belia, tetapi kerajaan dari semasa kesemasa sentiasa memberikan galakan untuk melihat supaya pergerakan belia ini berjalan dengan baik dan teratur supaya mereka menjadi satu masyarakat yang baik serta bersatu padu.

Tetapi dengan kerjasama Majlis Belia-Belia (MBB) telah banyak persatuan belia yang berdaftar telah menunjukkan keupayaan mereka mempersatukan dan memperkukuhkan tenaga belia di negeri ini. Usaha mereka itu diperlihatkan samada melalui sukan, kerja-kerja amal dan kebajikan atau lawatan luar dan dalam negeri.

Alhamdulillah, belia-belia di negeri ini adalah golongan yang sihat dan pergerakan mereka maju dan sederhana mengikut corak keadaan di negeri ini yang merupakan 'welfare state' yang menitik beratkan soal kebajikan penduduk serta lapisan masyarakatnya.

Adalah diharapkan pergerakan belia yang sihat ini akan dapat diteruskan bagi menunjukkan keharmonian dan perpaduan belia di negeri ini.



YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awg. Hj. Hussin.

*DS:* Bagaimana hubungan jabatan ini jika dikaitkan dengan MBB?.

*YB Pehin:* MBB memang banyak rancangan dalam hal belia dan jabatan ini dari semasa kesemasa sentiasa mengkaji dan berkerjasama dengan rapatnya bersama MBB yang menjadi indung kepada persatuan-persatuan belia seluruh negeri.

Rancangan MBB itu atau jabatan ini akan dikaji jika boleh dilaksanakan atau sebaliknya dan setakat ini MBB telah menyediakan satu kertas kerja mengenai kemajuan belia di negeri ini bagi meninjau sejauh mana kekukuhan belia terutama dalam sumbangan mereka kepada pembangunan negeri ini yang ada sekarang.

Dalam hubungan ini MBB juga telah mempunyai beberapa rancangan dalam menggalakkan belia dalam perusahaan mencabar seperti bertani, berikhtisas dan sebagainya, dan perkara ini amat baik kepada belia pada melatih dan merasakan senang susahnya mengendali perusahaan tersebut.

*DS:* Apa pula kemudahan-kemudahan belia yang disediakan oleh jabatan ini?.

*YB Pehin:* Jika dari segi sukan adalah memuaskan, tapi kalau iktisad misalnya adalah sederhana diadakan. Sukan dalam mengadakan kemudahannya giat dilaksanakan dan dalam setahun dua ini arena-arena sukan akan meliputi di seluruh daerah di negeri ini.

Keseluruhannya belia-belia di negeri ini begitu bernasib baik dengan kemudahan yang diberikan oleh kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang kemajuan dan kebijaksanaan para belia khususnya dan masyarakat amnya.

*DS:* Apakah belia-belia di negeri ini mempunyai peluang yang banyak untuk mendedahkan kegiatan mereka di luar negeri?.

*YB:* Memang dari semasa kesemasa persatuan belia cuba menggabungkan diri dengan pergerakan belia di luar negeri serta mendedahkan kegiatan mereka sekali.

Kita ... bahawa ... negeri ... dingkan ... negara ... baik ... masalah ... tidak ... Yang ... kegiatan ... pada ... amat ...

Ini ... yang ... menghadap... dan apa ... kegiatan ... negeri ... dari ... juga ... bergotong... mana ... setengah ... luar ...

## 9 terima kurnia Duke of Edinburgh

KUALA BELAIT. — Sembilan orang ahli Skim Kurnia Duke of Edinburgh telah menerima pingat perak dan gangsa dalam satu majlis yang diadakan baru-baru ini di Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir di sini.

Enam orang menerima pingat perak dan lima orang menerima pingat gangsa setelah berjaya mengikuti dan menjalani semua aktiviti-aktiviti yang diperlukan dalam skim tersebut. Pencapaian ke pingat perak juga merupakan pencapaian kali pertama di Brunei.

Menerima pingat perak Skim Kurnia Duke of Edinburgh ialah Sharifah Ratna Syed Rahim, Mohd Idzwan Junaidi, Rochita Binchin dan Sepiana Mabong. Sementara menerima pingat gangsa ialah John Alexander El Hasting Lunchai, Manggau Galawing, Mahani Siba, Bahrin Idris dan Suhaili Ali.

Skim tersebut menghendaki para ahlinya mencapai kejayaan dalam bidang perkhidmatan, pengembaraan, kegemaran, kegiatan fizikal atau Design For Living bagi ahli wanita.

Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan, YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussein ketika berucap di penyampaian pingat tersebut berharap agar belia dan beliawanis di negeri ini memenuhi masa lapang mereka dengan berbagai perkhidmatan masyarakat serta kemajuan negara.

Katanya, peluang-peluang itu hendaklah jangan dipersia-siakan atau digunakan pada perkara yang bertentangan dengan kehendak negara, sebaliknya mereka hendaklah mengikut jejak langkah ahli-ahli skim yang berjaya.



BANGUNAN Kebajikan bagi kanak-kanak nakal di Kampung Pulaie ini ... pemulihan akhlak kanak-kanak yang terlibat dalam 'kenakalan remaja'.

# DALAM MERANGKU... SUDUT KEBAJIKA... BELIA DAN SUKA...

## DIALOG SEMAS...

diusahakan/disusun oleh: MANAF HA...
dengan kerjasama
Bahagian Melayu Radio Brunei.

**DENGAN kerjasama Majlis Belia-... Negeri Brunei (MBB) telah banyak p... tuan belia yang berdaftar telah men... kan keupayaan mereka mempersatuka... memperkukuhkan tenaga belia di neg...**

## BANGUNAN PEJABAT2 KERAJAAN PEKAN SERIA

KUALA BELAIT. — Sebuah bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan Pekan Seria yang berharga lebeh sejuta ringgit sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam bulan Januari tahun depan.

Kerja-kerja ke atasnya telahpun bermula sejak bulan lalu berdekatan dengan Pejabat-pejabat Kerajaan yang ada ketika ini iaitu antara Jalan Raja Isteri dan Jalan Sultan Omar Ali.

Bagaimanapun jurucakap Pejabat Daerah di sini menerangkan, apabila siap nanti bangunan tersebut hanya akan menjadi pejabat bagi pejabat-pejabat Daerah, Kehutanan dan Penerangan.

Pejabat-pejabat kerajaan yang ada sekarang menurut jurucakap tersebut akan terus dikekalkan dan sedang dalam rancangan bagi diubahsuai untuk menempatkan pejabat-pejabat Pos, Kastam dan Mahkamah.

Bangunan dua tingkat yang kini pembinaannya sedang dilaksanakan oleh Reginal Construction Pte. Ltd antara lain dilengkapi dengan sebuah dewan bagi kemudahan orang ramai dan lain-lain keperluan pejabat.

Salah seorang jurutera dari Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab bagi mengawasi pembinaan bangunan itu menjelaskan dewan yang terdapat dalam bangunan tersebut yang juga mengadakan sebarang perhimpunan atau masyuarat boleh menampung kira-kira 300 orang.

Mengenai ukurannya, jurutera JKR menerangkan yang bangunan baru itu memerlukan tapak seluas 1.13 ekar yang mana termasuk kawasan dan halamannya.



Salah seorang peserta kursus, Dk. Noraini bte Pg. Ibrahim ketika menerima sijil yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yussof.

# Amalkan sifat 'awar-galat' sesama kita

GADONG — YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman menggesa setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya memelihara imej Kerajaan dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing di samping mengamalkan adat-resam kita yang mempunyai sifat pemalu dan 'awar-galat' sesama sendiri.

Berucap demikian ketika merasmikan Kursus Bimbingan Perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Darat, bertempat di Dewan Kuliah, Pusat Tingkatan Enam Gadong, pada 8hb. Mei lepas, yang telah disampaikan oleh Awang Haji Chuchu bin PADP Abdullah, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Pejabat Pengangkutan Darat adalah sebuah pejabat yang sentiasa berdamping rapat dengan orang ramai kerana perkhidmatan yang diberikan merupakan sebahagian daripada keperluan kehidupan masyarakat masa kini.

Sebagai sebuah pejabat yang berdamping rapat dengan orang ramai katanya, tentulah ianya bertanggungjawab dalam memelihara imej baik Kerajaan di kalangan orang ramai yang mana imej baik tersebut mustahak dijadikan sebagai pegangan atau berupa ideologi dengan tidak mengira kawasan atau tempat seseorang pegawai itu berada.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman berharap kursus tersebut akan dapat dijadikan satu mekanik pentadbiran untuk bertukar-tukar fikiran, melahirkan pendapat dengan hati yang ikhlas kerana kelicinan pentadbiran hanya akan dapat dicapai apabila setiap peringkat kakitangan yang berkhidmat dalam sesebuah pejabat itu mahu memikul tanggungjawab dalam usaha melahirkan pentadbiran yang berkesan lagi efektif.

"Ketua pejabat, timbalan ketua pejabat dan pegawai-pegawai kanan berkenaan adalah bertanggungjawab memberikan pimpinan yang cekap dan tegas," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, kommitmen untuk berkhidmat dengan cekap dan cergas mestilah terlebih dahulu ada dalam anggapan serta pegangan setiap pegawai-pegawai dan kakitangan yang menerima dan memberikan pimpinan.

Ketua pejabat dan pegawai-pegawai yang berkenaan, tambahnya, selain daripada bertanggungjawab untuk memberikan pimpinan yang sihat, juga bertanggungjawab untuk menjalankan kawalan yang cekap kerana kawalan yang cekap mestilah ujud dalam setiap organisasi itu, tegas YB lagi.

Di samping itu pula, kawalan yang paling asas mestilah datang dari semua pegawai dan kakitangan kerana walau bagaimanapun sempurnanya sistem atau cara kawalan yang dijalankan kalau sekiranya pegawai dan kakitangan yang berkenaan sememangnya ingin lari dari kawalan itu, tentulah kawalan yang sempurna tidak boleh dicapai.

YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan selanjutnya berharap kursus singkat tersebut akan dapat mendatangkan kesan yang baik dan boleh mencungkil serta mengetengahkan pemikiran-pemikiran yang bernas, menyelaraskan pentadbiran pejabat untuk sama-sama bertanggungjawab bagi memelihara pentadbiran yang efisien serta cergas, lurus dan kerana Allah.

Kursus singkat selama dua hari itu telah dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat dengan kerjasama Jabatan Perjawatan. Seramai lebih sembilan puluh orang pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan itu mengikuti kursus tersebut. Beberapa orang pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dari jabatan-jabatan yang berkenaan juga turut diundang memberikan ceramah.

## Keputusan peraduan poster keselamatan jalan raya

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Brunei baru-baru ini telah mengumumkan keputusan Peraduan Melukis Poster Keselamatan Jalan Raya 1983.

Dalam Bahagian A bagi murid-murid sekolah rendah dan Sekolah Persediaan Inggeris, tempat pertama telah dimenangi oleh Awg. Zulbahrin bin Jakir dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, kedua Zaidi bin Mohiddin dari Sekolah Persediaan Inggeris Keriam, Tutong dan tempat ketiga Jefry bin Ali juga dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Sementara menerima hadiah saguhati ialah Awg. Sahri bin Jumat dari Sekolah Melayu Menglait, Suhaimi bin Julaihi, Noridah bte Hj. Lussin dan Mohd. Wardi bin Ismail semuanya dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin dan Md. Amin bin Umarali dari Sekolah Persediaan Inggeris Kiudang.

Pemenang pertama Bahagian B bagi murid-murid dari tingkatan satu hingga tiga ialah Hambali bin Abu Bakar dari Sekolah Inggeris Berakas, pemenang kedua Gawing anak Ayub dan pemenang ketiga Awg. Razali bin Suhaily, kedua-duanya dari Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria.

Ak. Shahminan bin Pg. Mahari dari Pusat Latihan Teknikal, Brunei telah memenangi tempat pertama dalam Bahagian C. Sementara tempat kedua dimenangi, oleh Migil Lasak dan tempat ketiga Yalim Miang, kedua-duanya dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Manakala penerima hadiah saguhati dalam Bahagian C terdiri dari Saliah bte Nangkat dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Hambali bin Muhammad dari Maktab Anthony Abell, Seria, Murasedi bin Haji Mohammad dan Roslan Hj. Abdullah dari Maktab S.O.A.S. dan Mohd. Kamaruddin Ibrahim, juga dari Maktab Anthony Abell.

Bahagian D ialah untuk orang ramai yang berumur di bawah 21 tahun, pemenang pertama Dk. Siti Norlila bte Pg. Hj. Mohammad, kedua Gani bin Lakim dan ketiga Awg. Omarali bin Hj. Mohd. Tahir.

Dalam Bahagian E iaitu orang ramai yang berumur 21 tahun ke atas, pemenang pertama Yussof bin Hj. Matzin, Radio dan Televisyen Brunei, kedua Johar bin Metali dari Kampung Jaya Setia Berakas dan pemenang ketiga ialah Hj. Dayang bin Hj. Mutalib, dari Radio Televisyen, Brunei.

## Ketetapan harga barang2 keperluan harian

Seperti biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang didapati dijual dengan harga yang lebih sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga-harga barang yang berikut di bawah ini bermula dari 11hb. Mei, 1983.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. SOTONG KERING BESAR: $14.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHOP HOCK HUAT, NO 62, JALAN MCARTHUR.
2. LADA KERING: $3.20 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. SHARIKAT HJ. ABD. RAHMAN, NO 94, JALAN PEMANCHA.
3. LAKSA PUTIH: $0.80¢ sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHOP CHIN SENG, NO 107, JALAN PEMANCHA.
   2. CHEE GUAN, NO 4, JALAN MCARTHUR.

KUALA BELAIT

1. SOTONG KERING BESAR: $17.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. POH SOON, NO 61 A, JALAN PRETTY.
2. LADA KERING: $3.50 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. KOH KEE, NO 60, JALAN PRETTY.
3. LAKSA PUTIH: $0.85¢ sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHOO SENG, NO 20, JALAN SUNGAI.
   2. TEO HIANG HNG, NO 45, JALAN PRETTY.

SERIA

1. SOTONG KERING BESAR: $16.00 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHIN SOONG HIN, NO 3, JALAN SULTAN OMAR ALI.
   2. CHOP SIONG YICK, NO 54, JALAN SULTAN OMAR ALI.
   3. CHOP KUN MEE, NO 6, JALAN BUNGA KUNING.
2. LADA KERING: $3.80 sekati boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHOP KUN MEE, NO 6, JALAN SULTAN OMAR ALI.
   2. SIM FATT HIW, NO 74, JALAN BUNGA KENANGA.
3. LAKSA PUTIH: $0.85¢ sekotak boleh dibeli dari kedai berikut: —
   1. CHOO HENG, NO 30, JALAN SULTAN OMAR ALI.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARA

## SEBAGAI PENYELAMAT

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PENYELAMAT di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei.

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon mestilah pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di (a), tetapi adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom juga akan dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/439/72)

(Bil: 96/1983)

## TAWARAN JKR KUALA BELAIT

SERIAL No. KB.40/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "PEMBINAAN KHUTUBKHANA BAGI SEKOLAH KEJURUTERAAN JEFRI BOLKIAH, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.

Cagaran tawaran : $300.00.

SERIAL No. KB. 41/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk:

PROJEK : "CADANGAN KAWASAN PERUMAHAN DI KAMPUNG JABANG, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.

Cagaran tawaran: $10,000.00.

SERIAL No. KB.42/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK : PEMBINAAN TAMBAHAN BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH MELAYU LUMUT, DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.

Cagaran tawaran : $600.00.

SERIAL No. KB. 43/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "CADANGAN PEMBINAAN SEMULA LONGKANG R.C. SEPANJANG LORONG SATU BARAT, SERIA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 19hb Mei, 1983.

Tarikh tutup: 23hb Mei, 1983.

Cagaran tawaran : $300.00.

## JABATAN TELEKOM BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi kerja-kerja yang berikut:—

(i) Pemotongan rumput di Kawasan Satelite Bumi Telisai dan juga di Kawasan Perumahannya.

(ii) Menyediakan beg-beg plastik untuk sampah dan membuangnya daripada Stesen Satelite Bumi dan Kawasan Perumahannya.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengahari, Isnin 30hb Mei 1983. Tawaran-tawaran yang diterima pada tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan diterima.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat yang biasa dengan tajok "KERJA PEMOTONGAN RUMPUT DAN PEMBUANGAN SAMPAH JABATAN TELEKOM BRUNEI" dengan tidak memberikan nama pengirimnya.

4. Keterangan-keterangan lanjut boleh didapati di Ibu Pejabat Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan dengan wang cagaran sebanyak $200.00. Cagaran tersebut akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya.

5. **Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran.**

## ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT — TENDER NO

TENDER No. 36/1983

SUPPLY OF VARIOUS EMU SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.

3. Tenders documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

4. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 37/1983

SUPPLY OF DENTAL REQUIREMENTS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.

2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 38/1983

SUPPLY OF GENERAL STORES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.

2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 39/1983

SUPPLY OF SHIP SPARES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT.

1. General Conditions of RBMR Contract for the Purchase of Goods and Services dated Feb 1983 are to apply.

2. Brochures/Catalogues and Samples to Procurement Office, Logistic Depot Berakas Garrison by 3rd June 1983.

3. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 30th May 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours.

5. Deposit of $300.00 which will be refunded to all unsuccessful tendered.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 40/1983

EMU SPARES (MISCELLANEOUS MT ITEMS COLE AND TOYOTA)

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistics Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. Deposits of $300.00 which wil be refunded to all unsuccessful tenderer.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 41/1983

MISCELLANEOUS MT SPARES.

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. Deposit not required.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 42/1983

MEIJI COMPREESOR

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. Deposit not required.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 43/1983

ELECTRICAL EQUIPMENT (AIR WING)

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

4. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. Deposit not required.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 44/1983

VW ENGINE

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to 1630 Mondays to Thursdays. 0730 to 1130 Fridays. Saturdays and Sundays closed).

4. Deposit not required.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER No. 45/1983

MISCELLANEOUS SPARES EMU

1. General Conditions of RBMR Contract for purchase of Goods and Services dated February 1983 are to apply.

2. Tenders should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon, on Monday 13th June 1983.

3. Tender documents can be seen and obtained from Procurement Office, Logistic Depot, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison, during normal working hours. (0730 to 1230 and 1330 to

1630 Monday...
0730 to 113...
days and S...

4. Depos...

5. The Gov... nei does no... cept the lo...

TENDER ...
TRAILER...

1. General ... RBMR Con... of Goods ... February ...

2. Tenders ... in the Tende... outside the ... Financial Of... Ground Floo... tariat Build... Begawan, ... on Monday ...

3. Tender ... seen and ... curement O... pot, Royal ... Regiment, ... during nor... (0730 to ... 1630 Monda... 0730 to 113... days and S...

4. Deposit ...

5. The Gove... nei does no... cept the low...

TENDER ...
MISCELLAN...
SPARES E...

1. General ... RBMR Cont... chase of Go... dated Febru... apply.

2. Tenders ... in the Tende... outside the ... Financial Of... Ground Floo... tariat Build... Begawan, ... on Monday ...

3. Tender ... seen and ... curement O... pot, Royal ... giment, Be... during nor... 0730 to 113... days and S...

4. Depos...

5. The Gov... does not ... the lowest ...

TENDER ...
RUNNING ...
FOR THE ...
ROOM A...
DITIONE...
ROYAL B...
REGIME...

1. Gener... RBMR Con... of Goods ... February ...

2. Tende... in the Te... outside th... Financial ... Ground F... tariat B... Begawan. ... on Monday ...

3. Tender ... seen and ... curement ... pot, Roy... Regiment. ... during no... (0730 to ... 1630 Mo... 0730 to 1... days and ...

4. Depos... will be r... successful ...

5. The Go... does not ... the lowest ...

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk mengisi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Perchetakan Brunei.

1. PEMBANTU PENCHETAK :

C. 1-2 EB. 3—$1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon hendaklah memenuhi kehendaki seperti berikut:—

a) Mempunyai Diploma dalam bidang percetakan dari mana-mana institusi yang diakui atau sebanding dengannya dan telah mengikuti latihan-latihan dalam mengendalikan mesin percetakan dalam jangka masa 2-3 tahun dan memahami dengan operasi mesin-mesin cetak jenis Offset, alat-alat penjilidan dan penyiapan.

ATAU

Mempunyai pengalaman dalam jangka masa 5 tahun dalam mengendalikan mesin-mesin cetak, pengurusan-pengurusan kerja-kerja Grapik, kerja-kerja Penjilidan dan pengemasan serta memahami mesin-mesin Cetak Web-Offset.

Mempunyai pengetahuan dalam kerja-kerja kira-mengira kertas, dakwat, plet dan filem dan alat-alat grapik yang lain yang digunakan untuk pesanan percetakan.

Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergili-gilir.

2. PENGENDALI MESIN PEMBUAT PLET TINGKAT I.

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon mestilah mempunyai syarat-syarat seperti berikut : —

a) Sekurang-kurangnya mempunyai 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja Grapik yang berkaitan dengan kerja-kerja membuat layout dan kerja-kerja membuat plet.
b) Mestilah mempunyai kebolehan untuk mendaftar kerja-kerja berwarna dan kerja-kerja 'make-up' untuk buku.
c) Boleh membuat kerja-kerja di kamera hitam putih.
d) Mempunyai pengetahuan dalam menyediakan dummy bagi menentukan layout untuk plet-plet percetakan.
e) Bersedia untuk bekerja secara bergilir-gilir.

3. PENYELENGGARA STOR TINGKATAN I:

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengannya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya selama 4 tahun dalam kerja-kerja penyelenggara stor.
c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang-barang stor, alat-alat kelengkapan dan alat-alat ganti yang berbagai bentuk ada-lah merupakan satu kelebihan.

4. PENGENDALI MESIN PENGATUR HURUF TINGKATAN I:

D. 4 EB. 5 — $980-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon mestilah mempunyai syarat-syarat seperti berikut : —

a) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja pengendalian - pengendalian mesin penyusun taip 'hot metal'.
b) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil dan membuat kerja-kerja penyelenggaraan biasa.
c) Mempunyai pengalaman dalam penyelarasan susunan kerja-kerja dengan bahagian-bahagian lain di dalam sesebuah pejabat percetakan.
d) Mestilah bersedia untuk bekerja secara bergilir ('shift').

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/56/81)

(Bil: 95/1983)

## Sebagai Ketua Juruteknik Ukor

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai KETUA JURUTEKNIK UKOR di Jabatan Ukor Brunei.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Hendaklah mempunyai Diploma T.E.C. (Peringkat Tinggi) dalam jurusan Land Surveying, atau kelulusan yang sebanding, daripada institut teknikal yang diiktiraf.

Hendaklah sebaik-baiknya mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman setelah memperolehi kelulusan dan juga sebanyak sedikit pengalaman pentadbiran, had umur 35 hingga 50 tahun.

ATAU

b) Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat yang mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman dalam kerja-kerja membuat ukuran tanah (Cadastral Survey) termasuk sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam sesuatu jawatan Penyelia, sebagai Juruteknik Ukor Kanan, serta mempunyai pengalaman pentadbiran boleh juga dipertimbangkan dengan syarat mereka mempunyai kebolehan yang terbukti. Had umur 35 tahun hingga 50 tahun.

**Tugas :**

Membantu Juruukor Daerah di dalam tugas-tugas pengukuran tanah meliputi penyeliaan dan pentadbiran kerja-kerja di Bahagian Luar.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb Mei, 1983.

(E/250/75)

(Bilangan: 91/1983)

## TELECOMMUNICATION DEPARTMENT TENDER NOTICE

### PROJECT No. 2079 RE-TENDER

1. TENDERS are invited from registered Telecom Contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for Excavating Trench, Jointing Pits, Erecting Poles. Laying Single Duct and Installing of Pipe Across Drain.

3. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board, office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 30th May 1983. Tenders received after the said time and date will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT
TENDER PROJECT 2079

bearing no indication of the name of the tenderer.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Brunei upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tenderer who fails to submit a tender.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Contractors who have previously inspected the works with the Director's Representative on 5th May 1983 are exempted from the need to attend a further on site inspection. For others who did not attend the joint consultation on site inspection of the work is a condition of tender and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 1000 hours on Thursday 26th May 1983 at the entrance of Bee Seng Garden, Jalan Berakas, and must telephone the Chief Technician/Underground Works for an appointment at least 1 day in advance. Tenders will not be accepted from contractors who have not attended one of the joint on site inspections.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN-PERBEKALAN NEGARA

### No. 35/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF PROTO TOOLS AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 36/1983

TAWARAN-Tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF ARMCO GALVANISED FLEX-BEAM GUARDRAIL TYPE 2 12 GAUGE IN STANDARD SECTIONS WITH A NETT LAYING LENGTH OF 12' 6" AND ACCESSORIES.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 37/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF FLYGT SUBMERSIBLE SEWAGE PUMPS MODEL CP 3126 MT-430 CAPABLE OF DELIVERY 330 GPM AGAINST 41 FEET HEAD.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 38/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF SAFETY LOUVERS FRAME, ETC.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 39/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 6hb Jun, 1983 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Brunei:—

SUPPLY OF COVER AND FRAME, INSPECTION, CAST IRON, GRADE C, SINGLE HEAD, FLAT, SCREW DOWN TYPE, CLEAR OPENING 24" x 18" OVERALL 28" x 22" x 84 LB. TO B.S. 497/1967 — REF. C6-24/18 C/W BRASS SCREWS ½" x 1½" BSW, CSK HD. INSCRIBED 'SEW'.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong, Brunei semasa waktu-waktu bekerja.

## TENDER FOR EQUIPMENT FOR SULTAN SAIFUL RIJAL SCHOOL OF BUILDING

TENDERS are invited for the supply of Equipment C.I.F. Brunei and delivered to Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara. Tenders should be placed in the Tenders Box situated outside the office of the State Financial Officer or the ground floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Monday 13th May 1983.

Detailed information on the equipment can be obtained from the Technical Section of the Education Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tenders must be submitted with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked : "TENDER FOR EQUIPMENT FOR SULTAN SAIFUL RIJAL SCHOOL OF BUILDING".

Any tender not properly addressed or received after the stipulated time and date will be rejected.

The government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT PERKHIDMATAN2 LETRIK

### TAWARAN BIL. 56/1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong pemasangan letrik yang berdaftar Kelas "A", "B" dan "C" yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei 1983 bagi kerja-kerja berikut:—

PEMASANGAN LETRIK UNTUK PEJABAT POS BARU DI TUTONG, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran ini adalah $100.00.

### TAWARAN BIL. 59/1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Pejabat Setiausaha Kerajaan Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari Isnin 6hb Jun, 1983 membekal dan menyerahkan barang-barang berikut untuk Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik Stor Gadong:—

PEMBEKALAN UNTUK INDUSTRIAL SAFETY BOOTS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - perkhidmatan Letrik, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Cengkeram (deposit) untuk tawaran ini adalah $300.00.

## JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI KERJA-KERJA KECIL (MINOR WORKS) 1983

PEMBORONG-pemborong tempatan adalah dipelawa untuk mendaftar di Jabatan Radio Televisyen Brunei bagi mengendalikan kerja-kerja kecil 1983. Pendaftaran bolehlah dibuat di Tingkat Satu (Bangunan Lama) Bahagian Pentadbiran semasa waktu pejabat dibuka. Pemborong-pemborong juga adalah dikehendaki membawa bersama satu surat permohonan dan satu salinan Sijil Pendaftaran (Certificate of Registration).

Keterangan-keterangan lanjut berkenaan dengan kerja-kerja kecil ini bolehlah didapati daripada Jabatan Radio Televisyen Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai TUKANG PELAN KANAN di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah mempunyai Sijil Persekolahan atau kelulusan yang sebanding dengannya dan Higher National Diploma in Draughtsmanship dari Maktab Teknikal yang diiktiraf atau intermediate R.I.B.A. atau lain-lain kelulusan yang sebanding dengannya.

b) Mempunyai 6 tahun pengalaman dalam kerja-kerja melukis pelan di pejabat Chartered Akitek atau Jurutera.

c) Mestilah boleh menyediakan pelan-pelan dan ukuran-ukuran yang lengkap dari lukisan-lukisan kasar (dimensional sketches).

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 3 tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 14hb Jun, 1983.

(E/42/74) (Bil : 89/1983)

---

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Kerja Raya, Brunei.

MERINYU JENTERA

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Mempunyai kelulusan City and Guilds dalam bidang automative studies atau kelulusan yang sebanding dengannya dan sekurang-kurangnya 6 tahun pengalaman praktikal dalam kerja-kerja menyelenggara dan membaiki, termasuk general overhaul, jentera-jentera membaiki jalan raya dan lain-lain jenis kenderaan. Calon-calon yang mempunyai sijil sekolah pertukangan dan 12 tahun pengalaman yang berkaitan akan juga dipertimbangkan untuk jawatan ini.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama tiga tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Mereka yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup.: 14hb Jun, 1983.

(E/258/76) (Bilangan: 92/1983)

---

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PENOLONG KERJA LUAR di Jabatan Kerja Raya Brunei.

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam kerja-kerja pemeriksaan tapak-bina dan kajian-kajian tanah. Kebolehan dalam kerja-kerja mengukur dan ujian "in-situ" adalah diperlukan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 30hb Mei, 1983.

(E/539/78)

(Bilangan: 97/1983)

## Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan

JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN memerlukan PAKAR X-RAY.

Tangga Gaji M. 18 — $4,700.00 sebulan (tetap) tanpa cukai dan elaun 'M' 1,250.00 sebulan.

ATAU

M. 19— — $5,000.00 sebulan (tetap) tanpa cukai dan elaun 'M' 1,500.00 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

Ijazah Perubatan.

Fellowship of the Royal College of Radiologists atau kelayakan yang sebanding dengannya.

Pengalaman praktikal dalam bidang "clinical ultrasound" adalah perlu.

**Tugas-tugas :**

Membantu Pakar X-Ray Kanan dalam kerja-kerja memberi perkhidmatan "radiological" dan Radiodiognosis di seluruh negeri.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrek selama 2 tahun dan pembaharuan kontrek adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah baksis pada kadar 25 peratus, tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dibuat dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Jabatan Perjawatan, Brunei.

Tarikh tutup: 20hb Jun, 1983.

(E/755/75) (Bil: 88/1983)

---

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PENJAGA DHOBI TINGKAT I:

D. 1-2-3 EB. 4-5 — $425-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Lulus sekurang-kurangnya darjah VI Melayu atau yang sebanding dengannya.

b) Telah berkhidmat sebagai Penjalan Dhobi sekurang-kurangnya 5 tahun.

c) Mempunyai pengetahuan dalam menggunakan bahan-bahan kimia yang digunakan dalam penyucian kain-kain.

**Tugas-tugas :**

a) Menjalankan berjenis-jenis mesin dhobi.

b) Memelihara dan membaiki kerosakkan-kerosakkan semua jenis mesin dhobi.

2. PENDHOBI:

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur tidak lebih daripada 45 tahun.

b) Sekurang-kurang-nya pandai membaca dan menulis.

c) Pengalaman menyuci kain dengan menggunakan mesin-mesin adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas :**

a) Memungut kain-kain kotor dari wad-wad dan bahagian rumah sakit dan menghantar balik kain-kain yang bersih ketempat-tempat yang sama.

b) Menyuci, mengering dan menerikah dengan menggunakan alat-alat mesin yang disediakan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatannya itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak lah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 28hb. Mei, 1983.

(E/972/83)

(Bil: 93/1983)

## Di Askar Melayu Diraja B…

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Askar Melayu Diraja Brunei.

1. PELAYAN MESS TINGKAT I:

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

a) Berumur antara 20 hingga 35 tahun.

b) Lulus Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengannya.

c) Mempunyai keperibadian yang baik.

d) Mesti mempunyai pengalaman bekerja selama dua tahun sebagai Pelayan Mess Tingkat II (atau Penyambut Mess) dalam sesebuah Mess.

2. PELAYAN MESS TINGKAT II:

F. 3-4 EB. 5—$430-$560 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur di antara 18 hingga 30 tahun.

b) Lulus Tingkatan I Inggeris atau yang sebanding dengannya.

c) Mempunyai keperibadian yang baik.

d) Mesti mempunyai pengalaman bekerja selama dua tahun sebagai Pelayan Mess Tingkat III dalam sesebuah Mess.

3. PELAYAN MESS TINGKAT III:

F. 1-2-3 EB. 4 — $350-$520 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur di antara 18 hingga 25 tahun.

b) Lulus Tingkat I Inggeris atau yang sebanding dengannya.

c) Mempunyai keperibadian yang baik.

d) Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang berpengalaman.

**Am :**

Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bekerja pada bila-bila masa dikehendaki dan di mana-mana daerah.

4. OPERATOR RAWATAN:

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-$700 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :**

a) Berumur antara 18 hingga 45 tahun.

b) Lulus sekurang-kurangnya Tingkatan II Inggeris atau sebanding dengannya.

c) Mempunyai pengalaman

dalam ker…
buat Raw…
Jenis Bera…
rang-kurang…

d) Mempunya…
yang baik…
alat kelengka…
Kenderaan…
cara meng…
alat tersebu…
pakan satu…

e) Keutamaan…
kepada beka…
Melayu D…
yang perna…
bagai Servi…

5. OPERETER…

E. 2-3 EB…
sebulan.

**Kelayakan-kelaya…**
**Pengalaman :**

a) Berumur …
40 tahun.

b) Lulus Ting…
geris atau…
ngannya da…
pengetahua…
an alat-ala…

c) Pemohon-pe…
tidak memp…
an di (b) …
nyai sekuran…
tahun penga…
lankan kerja-…
Console d…
Askar akan…
bangkan.

Seseorang yan…
khidmat denga…
hendaklah meng…
mohonan-nya …
Jabatannya da…
tan itu hendakl…
kan bersama-…
permohonan in…
Sulit dan satu…
Perkhidmatan ya…

Permohonan…
mestilah dihan…
salinan borang …
satu jawatan y…
dapati daripada…
jawatan, Brunei…
lah dikembalika…
sama dengan s…
surat akuan …
tidak lewat da…
1983.

(E/536/79)

(Bil : 94/1983)

## Sebagai Penyelenggara Stor Tingkatan II

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PENYELENGGARA STOR TINGKATAN II di Jabatan Muzium, Brunei.

D. 2-3 EB. 4 — $515-$1175 sebulan.

Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang daripada 20 tahun dan telah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

b) Bagi calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi telah berkhidmat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III sekurang-kurangnya selama 3 tahun akan juga dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pengarah Perjawatan, tidak lewat dari 28hb Mei, 1983

(E/305/79)

(Bil: 87/1983)

## Sebagai Pe…
## Meka…

PERMOHONAN…
adalah dipela…
calon yang ter…
Duli Yang Ma…
duka Seri Bag…
Yang Dipertua…
untuk dilanti…
MANDU/ME…
batan Peruba…
an, Brunei.

Tangga Gaji:

F 3-4-5 EB…
sebulan.

**Kelayakan-kela…**
**Pengalaman :**

a) Pemohon-p…
lah memp…
mandu Ke…

b) Mestilah …
kod mema…

c) Mestilah …
ngalaman …
baiki keros…
kecil.

Seseorang ya…
khidmat deng…
daklah men…
honannya mel…
tannya dan K…
hendaklah …
sama-sama d…
an ini satu L…
satu salinan …
matan yang …

Permohon…
mestilah dih…
salinan bora…
dapati darip…
jawatan, Br…
lah dikemb…
sama denga…
surat akua…
kepada Pe…
tidak lewat…
1983.

(E/38/78)

(Bilangan: …

## JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA — NOTIS TAWARAN

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sehingga jam 12.00 tengah hari pada 30hb Mei 1983 bagi membekalkan Pakaian Seragam Untuk Orang-Orang Bergelar.

Keterangan-keterangan lanjut dan borang-borang tawaran boleh diperolehi daripada Jabatan Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

Tawaran-tawaran yang diterima selepas tarikh yang tersebut di atas akan ditolak.

Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang bertanda "ADAT ISTIADAT — TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM BAGI ORANG-ORANG BERGELAR". Dan nama pemborong tidak perlu dinyatakan di sampul surat. Sampul surat tersebut hendaklah dialamatkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a
Pegawai Kewangan Negara,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah ataupun apa-apa jua tawaran.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SUK Bahagian Penerangan

di Temburong, Belait, Tutong dan Brunei/Muara.

5. PENOLONG BILIK GELAP MENCUCI GAMBAR:
D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**
a) Mempunyai kelulusan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu) atau yang sebanding dengannya.
b) Berpengalaman sebagai jurugambar atau memproses filem.

6. PENYEMAK:
D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**
Lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu (Peringkat Biasa), atau yang sebanding dengannya. Pengalaman sebagai pembaca peruf merupakan satu kelebihan.

7. PELUKIS GERAFIK:
C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2280 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**
a) Calon-calon mestilah berumur di antara 18 dan 40 tahun, fasih bertutur Bahasa Melayu dan Inggeris dan sebaik-baiknya mempunyai pengalaman sebagai Pelukis Grafik.
b) Mempunyai Diploma in Art and Design atau yang sebanding dengannya adalah diutamakan.
c) Lain-lain kebolehan dan kemahiran dalam bidang lukis-melukis akan juga dipertimbangkan.

8. PELUKIS PEMANDANGAN:
C. 2-3 EB. 4 — $1260-$2280 sebulan.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**
a) Calon-calon mestilah berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
b) Mempunyai Diploma in Art and Design atau yang sebanding dengannya adalah diutamakan.
c) Lain-lain kebolehan dan kemahiran dalam bidang lukis-melukis akan juga dipertimbangkan.

9. PENOLONG PEREKA:
C. 1 EB. 2 — $1110-$1685

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**
a) Calon-calon mestilah berumur di antara 18 dan 30 tahun
b) Lulus Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat 'O' sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Seni Lukis).
c) Sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman dalam rekabentuk dan lukis-melukis bagi kegunaan pameran dan sebagainya.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 31hb. Mei. 1983.

(Bil: 99/1983).
(E/618/78)

## SEBAGAI PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PEGAWAI KEMAJUAN KERJASAMA di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Brunei.

**Tangga Gaji:**

B. 2 atau B. 2 EB. 3—$1975-$3280 sebulan.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan-kelayakan dan Pengalaman:**

(a) Ijazah dalam bidang perniagaan/ekonomi atau kelulusan-kelulusan lain yang sebanding dengannya.
ATAU
(b) HND (Business Studies) dari maktab yang diiktiraf atau kelulusan-kelulusan lain yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tujuh tahun dalam kerja-kerja penyeliaan dan juga Gerakan Kerjasama.

Pengalaman praktikal dalam penyeliaan kira-kira dan akaun syarikat-syarikat kerjasama adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas:**

Sebagai Ketua Bahagian yang ditentukan oleh Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama. Watak kepimpinan adalah perlu kerana jawatan ini berkait rapat dengan usaha-usaha pengembangan konsep kerjasama dan penyeliaan ke atas syarikat-syarikat kerjasama di seluruh negeri. Bersedia menjalankan tugas di luar masa bekerja biasa dan pada hari kelepasan awam.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil tidak lewat dari 30hb Mei, 1983.

(E/936/82)

(Bilangan: 98/1983)

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 11/1983

TENDERS will be received by the State Financial Officer, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan Brunei up to 12.00 noon on Monday 23rd May 1983 for the Supply and Installation of Folding Doors for Seria Fire Station.

2. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above appliance with their quotations and tenders. All prices quoted based on CIF Brunei. Further specifications and detailed may be obtained from the Senior Divisional Officer at Seria Fire Station.

3. Time of completion and warranty period to be stated.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "TENDERS FOR THE SUPPLY AND INSTALLATION OF FOLDING DOORS FOR SERIA FIRE STATION" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board and should be placed in the Tenders Box, situated outside the office of the State Financial Officer, on the Ground Floor of the Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

5. Tenders rereceived after the above stated time and date will be rejected.

6. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DEPARTMENT OF AGRICULTURE TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following vehicles to the Depatrment of Agriculture, Brunei.

ITEM 1
5 Units Long Wheel Base Station Wagon of the following specifications:
(a) Six Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 3500 c.c.; naturally aspirated.
(b) Minimum seating capacity — 10 persons.
(c) Long Wheel Base (9½ ft. min.)
(d) Four Wheel Drive
(e) Tyres: 6.5x16x6PR all round.

ITEM 2
3 Units 2.5 Ton Flatbed Truck of the following specifications:
(a) Four Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 1900 c.c.; naturally aspirated
(b) Dropside body to maximum length permitted (length of cargo bed — 14 ft min).
(c) Minimum Payload 2.5 tons and with gross behicle weight to be not less than 4.25 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(d) Tyres: 6.5r16 — 8PR all round.

ITEM 3
3 Units 7-ton Flatbed Truck of the following specifications:
(a) Six Cylinder Diesel engine in the range in the 6000 c.c., naturally aspirated.
(b) Minimum Payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(c) Dropside body to maximum length permitted (length of cargo bed — 20 ft. min.)
(d) Tyres: 8.25x20 x 14PR all round.

ITEM 4
3 Units 7-ton Tipper Truck of the following specifications:
(a) Six Cylinder Diesel engine in the range of 6000 c.c.; naturally aspirated.
(b) Minimum Payload 7 tons and with gross vehicle weight to be not less than 12 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(c) All steel heavy duty rear dump tipper body of at least 5.5 cu. yd., and must be factory fitted.
(d) Tyres: 9.00x2014PR all round.

ITEM 5
1 Unit 5-ton Flatbed Truck fitted with HIAB 650 Crane of the following specifications:
(a) Minimum Payload 5 tons, and with gross vehicle weight to be not less than 10 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(b) Six Cylinder Diesel engine of pistons displacement to be not less than 5700 c.c.; naturally aspirated.
(c) Cargo bed must be of dropside body with minimum length, 18ft.
(d) The HIAB 650 Crane must be factory fitted.
(e) Tyres: 8.25x20x12PR all round.

ITEM 6
2 Units 25-Seater Bus of the following specifications:
(a) Four Cylinder Petrol engine; naturally aspirated. Pistons displacement to be not less than 1900 c.c.
(b) 25-eating Capacity (minimum)
(c) Gross Vehicle weight to be not less than 3.75 tons, approved by Land Transport Department, Brunei.
(d) The Bus must be factory built
(e) Tyres: 6.5x16x8PR all round.

ITEM 7
2 Units Jeep of the following specifications:
(a) Four Wheel Drive
(b) Soft Canvas Top
(c) Four Cylinder Petrol engine of pistons displacement to be not less than 900 c.c.; naturally aspirated.
(d) Minimum Seating Capacity — 6 persons; rear seats should be provided.
(e) Tyres: 6x16x4PR all round.

Successful tenderers are required to submit Spare Part Books, Workshop Manuals and Instructions Book on or before the delivery of the stated items.

Colour and lettering specifications of vehicles etc. may be obtained from Agriculture Officer (Engineering). Approximate date of delivery and warranty period must be stated. All items are to be delivered c.i.f. (Duty or without Duty) to the Department of Agriculture Workshop, Kilanas, Brunei after predelivery service for inspection and acceptances tests by the Agriculture Officer (Engineering).

Tenders should be submitted under plain sealed cover marked "Department of Agriculture Machinery Equipment — Confidential," to the Chairman, Tenders Board, Brunei not later than noon on Monday 30th May, 1983.

The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN VIDEO TAPE 1983

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan bagi membekalkan Video Tape PAL 625 Lines.

**VIDEO TAPE PAL 625 LINES**

| | Serial No. | Description |
|---|---|---|
| a) | 175-975GIG | Ampex 175 series 2 inch x 3600 ft, 46 mins Highband Colour Video Tape on 10½ inch reel in 10½ inch Plastic Flame Retardant Shipper. |
| b) | 175-985IIF | Ampex 175 series 2 inch x 4950 ft, 63 mins Highband Colour Video Tape on 12½ inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper. |
| c) | 175-995IIF | Ampex 175 series 2 inch x 720 ft, 92 mins Highband Colour Video Tape on 14 inch reel in 14 inch Flame Retardant Shipper. |
| d) | 196-317OCR | Ampex 196 series 1 inch x 3169 ft, 66 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10½ inch Flame Retardant Shipper 'C' Format. |
| e) | 196-461OHR | Ampex 196 series 1 inch x 4610 ft, 97 mins High Energy Video Tape on 9 inch Precision Metal reel in 10½ inch Flame Retardant Shipper 'C' Format. |
| f) | 167-KCA-60 | Ampex 167 series ¾ inch 60 mins Helical Scan U-Matic Video Cassette Tape in Styrene Shelf Bix. |
| g) | 102-E60-IC | Ampex 102 series ½ inch 60 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |
| h) | 102-E120-IC | Ampex 102 series ½ inch 120 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |
| i) | 102-E180-IC | Ampex 102 series ½ inch 180 mins VHS PAL/SECAM Video Cassette Tape. |

2. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan jenis (brand) pita, panjang pita (dalam kiraan minit) serta harganya dan tempoh pita-pita itu boleh dibekalkan setelah mendapat pesanan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup tanpa tanda-tanda yang menunjukkan nama atau alamat pihak yang menawarkan, dan ditanda dengan jelas pada sampul surat TAWARAN UNTUK PITA VIDEO KEPADA RTB.

4. Tawaran-tawaran yang diterima selepas pukul 12.00 tengah hari, hari Isnin 23hb Mei 1983 tidak akan dilayan.

5. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang tawaran.

**Dari muka 1**

sama rata dengan Mitsubishi Corporation dan Sharikat Minyak Shell Brunei.

Bagaimanapun bagi mengurangkan pergantungan Brunei kepada kedua-dua sumber gas dan minyak itu, Brunei perlu mempelbagaikan ekonominya terutama di bidang perindustrian dan juga perikanan dan pertanian yang mana kajian-kajian bagi kedua-dua projek berkenaan telah pun dijalankan, YTM menambah sabda.

Yang Teramat Mulia selanjutnya mengharapkan agar kunjungan TYT Nakasone akan memberikan dorongan kepada perbincangan-perbincangan yang telah lalu dalam mencapai cadangan-cadangan yang konkrit untuk dipertimbangan oleh kedua-dua Kerajaan terhadap rancangan kerjasama teknikal.

Dengan perubahan taraf negara Brunei dalam tahun depan, YTM percaya perhubungan di antara Jepun dan Brunei akan lebih-lebih menjadi teguh kerana ianya adalah berdasarkan kepada perhubungan secara langsung di antara dua buah negara yang berdaulat.

# JEPUN USAHA TAMBAH HUBUNGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jepun akan terus berusaha tambah hubungan dengan Brunei dan berharap segala pengalaman yang diperoleh melalui kemajuannya akan berguna kepada negeri ini.

Perdana Menteri Jepun Tuan Yang Terutama Yasuhiro Nakasone menegaskan demikian sebagai membalas sabda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selesai majlis jamuan makan tengah hari di Dewan Persantapan Istana Edinburgh minggu lalu.

Tuan Yang Terutama berbangga dengan ikatan dagang antara kedua negara khasnya di bidang minyak dan gas cecair asli yang sudah lama terjalin.

Katanya, pertukaran lawatan pegawai-pegawai dan kerjasama teknikal antara kedua negara yang kian meningkat adalah titik mula hubungan baru yang membawa kepada pertalian persahabatan dan kerjasama antara Jepun dan Brunei.

Dalam ucapannya beliau juga menyokong usaha Brunei menyertai perhubungan antarabangsa terutama dengan negara-negara Asean di mana Brunei telah melibatkan diri dalam persidangan menteri-menteri luarnya baru-baru ini.

Langkah Brunei itu jelas Tuan Yang Terutama adalah seimbang dengan dasar luar Jepun yang telah memberi keutamaan kepada Asean.

Dalam hal itu, beliau yakin yang usaha bagi kerjasama Jepun dan Brunei dalam hal antarabangsa adalah luas dan berharap perhubungan antara keduanya akan berterusan.

Tuan Yang Terutama yang dalam lawatan singkat terdahulu dari itu telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.



YB Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Se... dul Rahman

**SEMBAH UCAPAN TYT PERDANA MENTERI JEPUN, YASUHIRO NAKASONE SEMASA MENGADAP KEHADAPAN MAJLIS KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DIPERTUAN NEGERI BRUNEI SEJURUS SETELAH TIBA DI NEGERI INI.**

Hamba Duli Tuan Patek dan isteri amat gembira sekali dapat melawat Negeri Brunei yang indah pada hari ini atas undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei. Hamba Duli Tuan Patek sukacita menyatakan yang lawatan ini adalah lawatan yang pertama ke Brunei bukan sahaja bagi diri saya, tetapi juga bagi seorang Perdana Menteri Jepun.

Hamba Duli Tuan Patek juga merasa amat sukacita yang Negeri Jepun dan Brunei akan benar-benar menjadi negeri jiran di Asia yang baik dengan semakin luasnya hubungan antara satu sama lain baru-baru ini.

Meskipun lawatan ke Brunei begitu singkat sekali, hamba Duli Tuan Patek berharap akan dapat mengambil kesempatan ini mempereratkan lagi hubungan abis hamba Duli Tuan Patek dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan para pemimpin lain di Brunei dan juga untuk bertukar-tukar pendapat dengan ramah-mesra mengenai perkara-perkara demi kepentingan bersama.

Hamba Duli Tuan Patek juga mengharapkan untuk memperolehi pandangan terbaru perkembangan pesat yang dihadapi oleh Brunei di bawah pimpinan yang cekap oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan. Adalah diharapkan dengan adanya pengalaman ini nanti akan dapat membantu hamba Duli Tuan Patek untuk meningkatkan lagi persefahaman di antara Negeri Jepun dengan Brunei.

Hamba Duli Tuan Patek ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sambutan yang begitu mesra untuk abis hamba Duli Tuan Patek semua oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei serta para penduduk Brunei.

# KE ARAH MEMANFAATKAN AJARAN2 AGAMA

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Pemangku Setiausaha Kerajaan telah memuji sikap saling bersatu-padu dan bersefahaman di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan yang terlibat sehingga berjaya menganjurkan pertandingan membaca Al-Quran sebagai satu projek tahunan di kalangan mereka.**

Apa yang diharapkan pada pertandingan serupa itu ujar Y.B. Pehin ialah bukan sekadar kegemaran untuk menganjurkannya saja, tetapi sepatutnya menjadi program berencana yang teratur pada memanfaatkan ajaran-ajaran agama dalam bidang yang lebih luas bagi kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Y.B Pehin itu berucap demikian sejurus sebelum merasmikan Pertandingan membaca Al-Quran antara jabatan-jabatan kerajaan yang berpakaian seragam di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Seterusnya Y.B Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan menyarankan agar pertandingan membaca Al-Quran itu sewajarnya dijadikan sebahagian daripada langkah pada mencerminkan kesediaan dan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan pada menyerapkan kesedaran beragama di dalam jabatan masing-masing sekadar yang terupaya.

Serentak dengan itu Y.B. Pehin menekankan agar usaha yang berkebajikan itu dicontohi oleh lain-lain pihak termasuklah masyarakat umum dan pihak swasta bagi faedah meningkatkan lagi sistem kerja yang berteraskan persefahaman yang padu dalam segenap bidang.

Perkara seperti ini amat penting, ujar Y.B. Pehin dijadikan sebagai asas yang pokok pada menentukan tercapainya secara menyeluruh dasar kerajaan Kebawah D.Y.M.M. ke arah satu corak pemerintahan yang cekap, jujur dan amanah.

"Kita juga harus mengambil perhatian bahawa pada menentukan pencapaian dasar yang amat tepat itu, maka zaman yang penuh cabaran dan pertambahan tanggungjawab yang sedang dan akan dihadapi oleh negara ini tidak lagi memberi kita ruang waktu untuk menjadikan persefahaman dan perpaduan itu sebagai isu percakapan semata-mata."

Akan tetapi jelas Y.B. Pehin lagi, "perkembangan dan pembangunan negara ini menghendaki setiap rakyat dan penduduk dari segala kaum dan puak keturunan mengamalkan terus-menerus perasaan saling mengerti seperti itu dalam kehidupan kita sehari-hari termasuklah dalam apa jua pekerjaan dan perkhidmatan."

Di samping itu perhatian harus juga ditumpukan kepada unsur-unsur yang wujud di sekeliling kita, ujar beliau mengingatkan, yang mana akhir-akhir ini terdapat kegemaran sebahagian orang untuk menaburkan perkara-perkara yang boleh mengelirukan bahkan menimbulkan pergisiran antara kita sesama sendiri seperti khabar-khabar angin dan pandangan-pandangan liar yang terdapat dalam massmedia luar negeri yang menyentuh mengenai negara Brunei secara tidak sihat dan jauh daripada kenyataan yang sebenarnya.

Dasar Kerajaan Kebawah D.Y.M.M. berhubung dengan khabar-khabar angin ini tidak ada tolak ansur pada mengambil tindakan-tindakan yang perlu semata-mata bagi melindungi keselamatan dan kepentingan negara daripada elemen-elemen yang cuba mendatangkan bahaya, Y.B. Pehin menegaskan.

Walau bagaimanapun ujar Y.B. Pehin itu, langkah pengawalan yang paling tepat akan terus-menerus berada pada setiap rakyat dan penduduk negara ini ialah dengan mempergunakan dorongan-dorongan agama yang menggesa supaya membentuk satu corak kehidupan yang harmoni di samping memperkaya persediaan masyarakat kita sendiri untuk memikul tanggungjawab melalui pelbagai kebolehan dan kemahiran.

Pertandingan Membaca Al-Quran yang dikelolakan oleh enam buah jabatan kerajaan yang berpakaian seragam itu bertemakan TEKUN DAN AMANAH ASAS KESEMPURNAAN IMAN. Jabatan Penjara dan Tempat Orang-orang Tahanan telah menjadi tuan rumah pertandingan tahun ini.

Seramai 16 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut yang mewakili Jabatan-jabatan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Laut, Kastam dan Eksais Diraja, Pasukan Bomba, Imigeresen dan Penjara dan Tempat ... Tahanan.

Johan ... tersebut ... oleh Aw... Rahman ... Salleh ... Askar M... Brunei. ... Haji Abd. ... Haji Om... Polis D... memenang... dan Awang... Abd. Ra... Jabatan B... duduki ...

Peny... hadiah ... nakan ... Orang ... Pahlawan ... Awang ... Pemangku ... Kerajaan.

PEM...

Muka ... pada ... bawah ... Mekraj ... seluruh ... hari ... kesilapan ... ketiga ... Pasukan ... Sekolah ... puan ... Pengiran ...

Berita T... tajuk ... RIBU TO... 20 keluar... para pe... dibaca ... Syarikat ... Brunei ... mengel... pada ... tertentu ... 175,000 ... jangka...